



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH
seventh *Parliament*

Third **PENGGAL** KETIGA
Session

Jilid III

Bil. 27

Hari Khamis

28hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Y.B. Dato Chan Chooog Tak	(Ruangan 35)
PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA: Ucapan Tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua Yang Baruda daa Penghargaan kepada Timbalan Yang di-Pertua Yang Lama	(Ruangan 35)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Ruangan 42)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan	(Ruangan 36)
Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan)	(Ruangan 52)
Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan)	(Ruangan 63)
Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan)	(Ruangan 79)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan)	(Ruangaa 91)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan)	(Ruangan 94)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan)	(Ruangan 110)
Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan)	(Ruangan 113)
Rang Undang-undang Jualan Barang (Pindaan)	(Ruangan 115)
Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan),	(Ruangan 119)
Rang undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan)	(Ruangan 126)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 28hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LESEN TEKSI KEPADA USAHAWAN WANITA

1. Dr Nordin Selat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan permit teksi yang diluluskan untuk usahawan-usahawan wanita. Berapa jumlah bagi tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan lesen baru bagi teksi/kereta sewa daripada kaum wanita adalah terlalu kecil. Sehingga 5hb Disember, 1989, dua lesen baru telah diluluskan kepada dua orang usahawan wanita iaitu satu di Kedah dan satu di Perlis. Walau bagaimanapun, daripada tahun 1987 sehingga sekarang terdapat 32 pemegang-pemegang lesen teksi/kereta sewa wanita yang telah memperolehi lesen-lesen tersebut melalui tukar milik oleh sebab kematian suami-suami mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, termasuk wanita dan juga lelaki berhubung dengan permit teksi. Sudahkah Kementerian membuat penyiasatan berapa banyakkah permit-permit teksi yang telah disewakan ataupun dipajakkan kepada orang, umpamanya dalam masa 5 tahun atau 10 tahun, tetapi belum sampai had masa itu, pemegang permit teksi ini balik bekerja pada tuan yang telah dipajakkan dan berapa ramai yang melakukan perkara yang sedemikian.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, anggarannya ialah 67% daripada lesen-lesen teksi, kereta sewa ini telah dipajak, sewa kepada orang-orang yang bukan pemegang permit. Dan Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan sepertimana yang telah kita buat, tetapi kali ini lebih meluas lagi untuk menentukan permit-permit yang telah dipajakkan ini diambil tindakan untuk dirampas.

Dr Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silaplah salah satu syarat untuk kita memberi permit teksi ini ialah seseorang pemohon mesti memandu teksi itu sendiri. Dan saya rasa tentu Kementerian faham bahawa kalau kita beri kepada wanita, dia tentu sekali tidak akan memandu teksi ini, jadi kenapa juga diberi kalau kita tahu dia tidak akan memandu teksi itu? Adakah ini bersabit politik atau beri pada gen gengkah untuk menang Timbalan Ketua Wanita atau macam mana?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini jangan merendahkan kebolehan wanita. **[Ketawa]** kerana ada wanita-wanita **[Tepuk]** yang betul membawa teksi dan mempunyai Public Service Vehicle Licencinya sendiri.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemilik-pemilik permit teksi dari kalangan wanita begitu sedikit, apakah permohonan daripada wanita ini tidak begitu ramai. Kalau permohonannya ramai, mengapa dilulus begitu sedikit dan galakan harus diberi sesuai dengan "Tahun Melawat Malaysia 1990".

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya keperluan untuk memandu teksi seseorang itu mesti mempunyai Public Service Vehicle Licence dan sekiranya tidak ada, kita tidak luluskan. Oleh sebab barangkali kerana takut dengan

saranan. Yang Berhormat Dr Nordin Selat, jadi tidak ramai yang minta. Walau bagaimanapun, kita menganggap kalau mereka layak dan memohon, apatah lagi kalau mereka agaknya boleh menjadi tarikan kepada pelancong, memanglah kita beri peluang yang lebih meluas.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah yang 67% tadi permohonan daripada lelaki, semua lelaki yang meminta itu menjadi driver teksi itu?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Yang dipajakkan itu, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada lelaki dan mereka semasa memohon memang mempunyai PSVL, tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu kemungkinannya untuk mengambil keuntungan yang cepat atau untuk mencari jalan yang paling mudah untuk mendapat pulangan, mereka telah memajakkan permit-permit ini kepada orang yang bukan berhak kepadanya, sebab itulah timbul rungutan-rungutan di kalangan pemandu-pemandu teksi, iaitu mereka yang telah lama bergerak di dalam pengurusan teksi ini tidak mempunyai lesen, tetapi mereka yang telah mempunyai permit memajakkan kepada mereka yang sepatutnya mendapat. Walau bagaimanapun, seperti yang kita maklum, mereka yang telah lama mempunyai PSVL ini boleh memohon untuk mendapatkan permit mereka, jika mereka berada di luar kawasan Lembah Kelang.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana sikap liberalnya terhadap persamaan hak wanita dan lelaki [**Tepuk**]. Pertanyaan saya ialah adakah, wanita-wanita yang bekas tentera, untuk pengetahuan Dewan banyak wanita jadi tentera dan sudah jadi bekas tentera, diberikan keutamaan dalam permohonan teksi ini, jika mereka, itu mempunyai kelayakan dan syarat lain-lain yang ditentukan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan keistimewaan kepada bekas tentera tetapi kita tidak akan memberikan keistimewaan yang lebih kepada wanita, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin tadi kita memberi hak yang sama.

BAHASA MALAYSIA BAGI MURID-MURID SEKOLAH TAMIL

2. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pencapaian murid-murid sekolah Tamil dalam Bahasa Malaysia setelah KBSR dilancarkan memuaskan atau tidak, apabila dibandingkan dengan KLSR (Kurikulum Lama Sekolah Rendah).

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Hoon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah Tamil yang mengikuti program KBSR adalah amat memuaskan berbanding dengan pencapaian murid-murid dalam matapelajaran yang sama yang mengikuti program KLSR. Selain daripada kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, membaca dan menulis yang turut mengalami kemajuan, didapati murid-murid juga secara keseluruhannya lebih petah berbahasa Malaysia.

Ini jelas kelihatan apabila diadakan Pertandingan Syarahan Bahasa Malaysia bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil setiap tahun. Semasa pertandingan ini ramai peserta daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang berjaya memasuki peringkat akhir.

Perlu juga disedari bahawa kita tidak dapat mengatakan sejauh mana mutu Bahasa Malaysia meningkat atau menurun semata-mata melalui perbandingan markah peperiksaan awam seperti UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah).

Keputusan peperiksaan tidak dapat mencerminkan pencapaian keseluruhannya. Apa yang perlu dilihat ialah bagaimana pelajar berinteraksi dalam bilik darjah dan dalam kawasan sekolah jika mereka memilih untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai alat perbualan mereka.

Taan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sekeputusan daripada peperiksaan itu tidak boleh mencerminkan penguasaan Bahasa Malaysia. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa peratus murid-murid sekolah Tamil lulus di dalam peperiksaan Darjah Enam di dalam mata-pelajaran Bahasa Malaysia bagi tahun 1988 dan 1989?

Tuan Woon See Chin: Taan Yang di-Pertua, angka untuk tahun 1989 - murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil mengambil dua peperiksaan dalam Bahasa Malaysia iaitu kefahaman dan penulisan. Mereka yang lulus kefahaman ialah 54.2% dan penulisan ialah 22.6%. Yang dapat Gred A, B dan C itu, ertinya luluslah.

KURSUS MASAKAN ANTARABANGSA

3. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah masakan antarabangsa yang dipelajari oleh wanita Malaysia dapat menolong dalam menghidangkan jenis-jenis masakan semasa CHOGM. Adakah daging arnab juga turut mendapat sambutan dalam hidangan-hidangan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus masakan antarabangsa yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian adalah bertujuan untuk memperkenalkan berbagai anika masakan kepada penduduk luar bandar sebagai satu langkah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat tani. Program masakan antarabangsa ini telah berjalan dengan pesatnya sejak tahun 1988. Oleh itu, sekiranya diperlukan, keupayaan untuk menghidangkan jenis-jenis masakan antarabangsa telah wujud di kalangan wanita luar bandar, khususnya mereka yang telah mengikuti kursus-kursus masakan antarabangsa anjuran Jabatan Pertanian melalui Kumpulan-kumpulan Pengembangan Wanita. Walau bagaimanapun, semasa Mesyuarat CHOGM yang lepas, wanita-wanita luar bandar tidak terlibat dengan secara langsung di dalam menghidangkan masakan kepada tetamu-tetamu. Masakan daging arnab juga tidak dihidangkan di Mesyuarat tersebut. Buat masa ini, FAMA dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan terlibat di dalam promosi masakan daging arnab.

Tuan Mustaffa bin Awang: Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Setiausaha Parlimen ini iaitu boleh atau tidak sebutkan beberapa jenis yang dikatakan masakan antarabangsa ini yang telah diajar kepada -wanita-wanita luar bandar. Saya rasa masakan luar bandar pun masih belum sempurna dimasak. Saya minta Setiausaha Parlimen sebutkan beberapa jenis masakan?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini susah bagi saya menjawabnya. Kalau hendak sebutkan semua jenis-jenisnya itu, maka senarai itu akan panjang sangat tetapi seperti kek, kuih-kuih, kuih-kuih Eropah dan juga apple pie dan semua kek-kek yang bercorak Eropah itu adalah diajar kursus wanita-wanita di luar bandar.

Tuan Mustaffa bin Awang: Saya tambahkan sedikit lagi. Boleh? Saya cadangkan kepada Kementerian Pertanian lebih baik mengajar wanita-wanita di luar bandar dan dalam bandar dengan masakan-masakan Malaysia ini dahulu dengan lebih sempurna, baru kita ajar mereka ini masakan antarabangsa. Kalau pihak Kementerian sendiri tidak sanggup menyebut satu, dua jenis masakan sebagai guru kepada rakyat, jadi bagaimana rakyat mahu belajar. Saya harap Kementerian sendiri lebih dahulu belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dr. Nordin Selat. Tidak payah Kementerian menjawab.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan usaha masakan antarabangsa ini untuk diajar di luar bandar tetapi saya rasa tidak ada logiknya. Sebab apa? Kalau kita buat apple pie, apple tidak ada di luar bandar dan kalau kita hendak buat steak, steak itu terlalu mahal sedangkan pendapatan luar bandar tidak mencukupi untuk membuat kuih-kuih antarabangsa yang begitu mahal. Adakah Kementerian bercadang hendak memberi subsidi steakkah dan subsidi apple piekah? Kalau tidak, saya rasa rancangan ini tidak ada makna, cuma mengada-ada sahaja [**Ketawa**].

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya menyatakan tadi bahawa kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai aneka masakan antarabangsa kepada wanita-wanita di luar

bandar. Walaupun kadang-kadang bahan-bahan untuk masakan ini mahal tetapi kita hendak memperkenalkan masakan-masakan kepada wanita-wanita kita di luar bandar untuk mempertingkatkan hidupan mereka. Jadi, kadang-kadang ada bahan-bahan yang tidak mahal seperti steak, ada juga bahan-bahan yang murah. Jadi, wanita kita dapat menggunakan bahan-bahan yang murah itu untuk memasak berjenis makanan asing.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bahagian bawah berhubung dengan masakan daging arnab. Kita berterima kasih kepada Kementerian ini kerana membuat promosi berhubung dengan daging arnab. Tetapi, apakah rancangan ataupun cadangan Kementerian ini untuk memperluaskan ternakan ini bagi mengatasi kekurangan daging arnab di negara kita ini?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada soal kekurangan daging arnab di negara kita. Tetapi Kementerian Pertanian menggalakkan estet-estet dan juga kompeni-kompeni swasta yang besar untuk membela arnab dengan cara besar-besaran bukan usaha yang kecil. Kita lebih menekankan kepada galakan para swasta untuk memelihara arnab daripada Kerajaan sendiri membuat usaha itu.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kawan saya kata bahagian bawah, saya hendak tanya bahagian atas iaitu berkenaan dengan memberi latihan masakan-masakan barat dengan tujuan mempertingkatkan ekonomi wanita-wanita di luar bandar.

Saya ingin bertanya adakah maksud Kementerian untuk mendedahkan kursus-kursus masakan barat ini dengan menggunakan bahan-bahan tempatan atau sepenuhnya masakan barat itu diperkenalkan dengan bahan-bahan luaran? Bahan-bahan sekitaran setempat, umpamanya seperti ayam, sayur-sayuran, jagung dan lain-lain ada di sekitar luar bandar tetapi masakannya dibuat secara barat atau kalau masakan barat, kebanyakan bahannya tidak terdapat di luar bandar. Jadi kalau begitu saya bersetuju dengan sahabat saya tadi, Senator Dr. Nordin Selat, itu merupakan satu kursus yang sia-sia. Tetapi kalau menggunakan bahan sekitaran cuma ditukarkan ke masakan barat, saya percaya itu ada manfaat. Soalan saya, yang mana satu yang betul?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Ainon. Yang pertama saya hendak menjelaskan bahawa saya tidak kata kursus masakan antarabangsa itu ialah untuk mempertingkatkan ekonomi tetapi untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan wanita-wanita dan masyarakat di luar bandar.

Yang kedua memang kita menekankan penggunaan bahan-bahan tempatan untuk memasak masakan barat bukan kita menggalakkan penggunaan bahan-bahan luar negeri untuk masakan antarabangsa.

Tuan Tang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo. Sudahpun dikemukakan banyak soalan tambahan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu selain daripada arnab, apakah jenis-jenis binatang yang halal yang akan diperkenalkan kepada rakyat Malaysia kita?

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada arnab untuk makanan, kita juga memperkenalkan ayam belanda iaitu satu jenis ternakan yang diperkenalkan kepada rakyat kita.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN - PROJEK KHAS BUMIPUTERA

4. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah benar bahawa pihak Kementerian menyediakan projek-projek khas secara 'negotiated' untuk membantu usahawan bumiputera yang terlibat dalam permohonan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU); jika benar, berapakah yang telah diberi.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar pihak Kementerian Kerjaraya telah diminta untuk menyediakan projek-projek khas untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera di bawah Skim Tabung Pemulihan Usahawan ataupun TPU. Kementerian Kerjaraya adalah menjadi ahli di dalam jawatankuasa kecil sektor pembinaan tabung tersebut. Sehingga ke hari ini sebanyak 20 buah projek telah dikenalpasti untuk diagihkan kepada 20 kontraktor bumiputera yang telah dikenalpasti dan diluluskan oleh Tabung Pemulihan Usahawan. Jumlah nilai projek-projek ini ialah sebanyak \$17.39 juta.

ESTET NORTH HUMMOCK, KLANG - BEKALAN ELEKTRIK

5. **Tuan A.K. Sivalingam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Estet North Hummock, Klang, Selangor Darul Ehsan tidak dibekalkan elektrik. Adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan berkenaan dengan masalah tersebut pada majikan yang terlibat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Letrik Negara telah menerima permohonan daripada Estet North Hummock untuk mendapat bekalan elektrik. Lembaga Letrik Negara telah mamproses permohonan tersebut dan telah menetapkan bahawa sumbangan pengguna bagi pembekalan elektrik ke estet tersebut adalah \$84,800. Pihak pengurusan estet belum lagi menjelaskan bayaran tersebut sehingga kini, Lembaga Letrik Negara akan hanya melaksanakan kerja-kerja membekalkan elektrik ke ladang ini setelah pembayaran sumbangan pengguna dibuat oleh pengurusan ladang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak akan mengambil sebarang tindakan keatas majikan ladang tersebut kerana Kementerian ini tidak mempunyai bidangkuasa mengenainya.

KWSP - MENGELUARKAN CARUMAN

6. Puan Noraini binti Haji Beluah minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah boleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melonggarkan syarat pengeluaran caruman untuk keperluan kebajikan pekerja seperti:

- (a) membiayai kos perubatan bagi penyakit yang berpanjangan dihadapi oleh pencarum dan keluarga;
- (b) pencarum yang kehilangan pekerjaan dengan sertamerta (diberhentikan); dan
- (c) mengeluarkan caruman untuk perbelanjaan kos pendidikan anak-anak.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Brrhormat, mengikut Seksyen 13(1)c Akta KWSP 1951, seseorang ahli KWSP boleh mengeluarkan kesemua carumannya jika beliau hilang keupayaan dari segi jasmani atau mental untuk terus

bekerja. Seseorang ahli yang mengeluarkan carumannya di bawah Seksyen ini juga akan dibayar amaun tambahan selain daripada caruman. Amaun tambahan ini dibayar mengikut formula yang ditetapkan dan bayaran adalah terhad kepada jumlah minimum sebanyak \$500 dan jumlah maksimum sebanyak \$30,000. Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta KWSP 1951 bagi membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang simpanan untuk tujuan membiayai kos perubatan penyakit yang berpanjangan yang dihadapi oleh mereka atau keluarga mereka.

- (b) Kerajaan juga tidak bercadang membuat pindaan kepada Akta KWSP 1951 untuk membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan caruman mereka apabila mereka diberhentikan kerja. Kerajaan berpendapat pengeluaran wang untuk tujuan ini adalah tidak selaras dengan tujuan penubuhan KWSP, iaitu memberikan jaminan kewangan di hari tua.
- (c) Berkenaan pengeluaran wang simpanan KWSP bagi maksud pendidikan, Kerajaan telah mengkaji cadangan tersebut dan memutuskan bahawa pelaksanaannya tidak wajar dilaksanakan berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- (i) ianya tidak akan memberi manfaat kepada segolongan besar pencarum-pencarum KWSP memandangkan bahawa lebih daripada 80% pencarum-pencarum mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada \$10,000.
- (ii) implikasi yang negatif terhadap aliran tunai dan kedudukan kewangan KWSP.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan daripada Kementerian Yang Berhormat supaya meminda Akta KWSP bagi pembayaran pencen kepada pekerja-pekerja estet seperti baru-baru ini mereka ada tuntutan untuk diberi skim pencen melalui EPF. Adakah cadangan daripada Kementerian Yang Berhormat untuk membayar pencen kepada pekerja-pekerja ladang melalui EPF?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan daripada Kementerian untuk mengadakan pindaan kepada Akta ini untuk memenuhi cadangan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah menurunkan had umur bersara bagi pegawai-pegawai Kerajaan kepada 40 tahun kerana memberi peluang pegawai-pegawai ini menceburi dalam perniagaan. Bolehkah Kementerian Kewangan memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang bersara pada umur 40 tahun untuk mengeluarkan 1/3 daripada caruman untuk menolong mereka meneruskan perniagaan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menurunkan had umur bersara pilihan ini tetapi KWSP masih tetap tertakluk kepada syarat kita yang lama kerana konsep KWSP ini tujuannya ialah untuk jaminan kewangan pada hari kita tua sedangkan umur 40 tahun ini belum lagi tua dan belum juga lama. Oleh itu cadangan tersebut pada masa ini tidaklah dapat diterima. Selain daripada itu ianya bercanggah dengan tujuan pengeluaran wang kerana setakat ini tidak ada kita benarkan pengeluaran wang KWSP ini untuk tujuan berniaga ataupun lain-lain usaha seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

TELEFON - KOS PEMASANGAN

7. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan prestasi perkhidmatan Syarikat Telekom Malaysia Berhad sejak ianya diswastakan. Adakah benar bahawa kilang-kilang yang ingin memasang telefon terpaksa membiayai semua kos pemasangan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi perkhidmatan Syarikat Telekom Malaysia sejak diswastakan adalah meliputi mutu perkhidmatannya dan sikap kakitangannya yang lebih berorientasikan kepada kecenderungan pasaran dan juga citarasa pelanggan. Ini dapat dilihat daripada berkurangnya bilangan-bilangan aduan, waktu response, dengan izin, dan waktu membekal perkhidmatan, yang lebih cepat. Terdapat juga lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk tempat membayar, kemudahan-kemudahan mendapat telefon dan kemudahan-kemudahan bil terperinci, selain daripada usaha-usaha untuk meluaskan rangkaian telefon, kemudahan telekomunikasi data seperti MAYPAC, MAYCIS, TELEMAIL, TELITA dan teknologi baru seperti CASS yang memberi maklumat yang sempurna mengenai telefon satu-satu pelanggan.

Prestasi kewangannya telah juga meningkat daripada kerugian \$96.5, juta dalam tahun 1987 kepada keuntungan. \$172.7 juta dalam tahun 1988. Angka-angka keuntungan ini ialah keuntungan sebelum cukai dan selepas perbelanjaan luar biasa ditolak. Keuntungan yang terkumpul hingga akhir 1988 ialah \$76.1 juta. Dengan itu, Syarikat, Telekom Malaysia telahpun berupaya membayar balik pinjaman mengikut jadual dan telah menurunkan hutangnya kepada \$4.6 billion pada akhir tahun 1988 dan pada masa yang sama, menambahkan asetnya sebanyak \$1.1 billion. Di samping itu pula STM juga dapat membayar bonus bagi tahun 1988 dan juga 1989.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan meningkatkan harapan masyarakat terhadap perkhidmatan tersebut. Dengan hal yang demikian, perkhidmatan yang diswastakan itu tidak sunyi daripada

kritikan-kritikan. Sebahagian daripada kritikan tersebut adalah berasaskan kepada kelemahan yang cuba diatasi dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, pada amnya perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat swasta ini adalah memuaskan.

Mengenai bekalan perkhidmatan telefon luar bandar, Kementerian merasakan bahawa perkhidmatan telefon yang telah dan sedang diberi sekarang ini tidak memuaskan, walaupun bilangan tersebut dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian sedang merancang suatu program untuk mempercepatkan penyiaran kemudahan tersebut supaya masyarakat luar bandar dapat menikmati kemudahan telefon dengan lebih baik. Kementerian berharap perancangan ini akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pembangunan kilang, semua kos yang terlibat bagi mengadakan ibusawat talian telefon di luar daripada kawasan pelanggan dibiayai oleh Syarikat Telekom Malaysia. Di dalam kawasan pelanggan, kos pemasangan yang perlu dibiayai oleh pelanggan adalah dihadkan kepada kos infrastruktur seperti sistem sesalur ataupun duct system, dengan izin, terdiri daripada lurang iaitu manhole, dengan izin, ataupun peti sambungan ataupun joint box, dengan izin, dan sesalur serta pendawaian dalam bangunan bagi menyambung kepada radas telefon tersebut. Kabel yang diperlukan, kecuali pendawaian dalam bangunan, disediakan oleh Syarikat Telekom Malaysia. Semua ini bertujuan supaya kerja-kerja infrastruktur telekomunikasi dibuat serentak dengan kerja-kerja pembangunan yang lain.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kejayaan STM setakat ini untuk memenuhi hasrat pelanggan-pelanggannya, apakah tidak Kerajaan bercadang untuk mengizinkan firma-firma lain mencebur sama dalam bidang telekomunikasi ini semoga permintaan dan keperluan perkembangan ekonomi semasa akan dapat disesuaikan? Tambahan pula, dengan proses perindustrian yang begitu pesat di negara ini, tidakkah kemungkinan pula STM akan menghadapi backlog kerja-kerja berkaitan dengan communication?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada matlamat penswastaan ialah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat dan pengguna khususnya. Penswastaan Jabatan Kerajaan tidak bermakna kepada monopoli daripada sektor awam beralih kepada sektor swasta. Pihak Kementerian berpendapat bahawa penswastaan sewajarnya menuju ke arah saingan dan pertandingan. Oleh yang demikian, sehingga kini sudah wujud saingan dan pertandingan di peringkat membekalkan berbagai-bagai jenis perkhidmatan. Kalau kita lihat bekalan telefon berbentuk mobile, dengan izin, sudah terdapat 3 jenis lesen yang dikeluarkan untuk bertanding dalam sektor ini. Dalam bidang trunk radio, dengan izin, sudahpun dibekalkan 16 lesen untuk syarikat-syarikat yang berlainan bertanding dalam bidang tersebut. Oleh kerana pasaran kita agak terhad dari segi infrastruktur asas iaitu dalam bentuk rangkaian yang ada - ataupun istilah yang digunakan iaitu "network" - yang ada, maka hingga kini Kementerian berpendapat bahawa ianya dikekalkan sebagai satu monopoli terlebih dahulu dan ini untuk kita memberi kesempatan sepenuhnya supaya rangkaian yang

ada ini dapat diperkembangkan lagi oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia. Pertandingan diizinkan seluas-luasnya di peringkat perkhidmatan dan kita mengharapkan bahawa dengan cara demikian, maka masyarakat dan masyarakat pengguna khususnya akan dapat pilihan dan dengan cara demikian berdasarkan kepada saingan akan menerima perkhidmatan yang lebih tinggi mutunya dan juga cekap tarafnya.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapakah orang yang tinggal di rumah panjang Kuala Lumpur tidak dapat kemudahan pemasangan telefon memandangkan bahawa mereka tinggal di sana selama 10 tahun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya terkeliru dengan definisi 'rumah panjang' di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam lesen yang dikeluarkan kepada Syarikat Telekom Malaysia, jika sekiranya ada permohonan yang dibuat maka adalah hak pemohon untuk menerima bekalan tersebut. Ini adalah satu syarat yang dikenakan. Kalau sekiranya ada kemudahan tersebut untuk disampaikan kepada pemohon, maka diwajibkan Syarikat Telekom Malaysia membekalkan telefon tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita merujuk kepada ~~kawasan~~ kawasan di mana rumah panjang itu terletak di kawasan setinggan, kalau diandaikan rumah panjang itu tempat tinggal sementara, besar kemungkinan ianya tidak dapat dibekalkan kerana itu adalah hak Kerajaan Negeri untuk membenarkan Syarikat Telekom Malaysia untuk menyampaikan bekalan seperti telefon. Jadi terletak kedudukan rumah panjang itu sama ada di tanah yang telahpun dimiliki oleh penghuni tanah tersebut ataupun masih lagi dalam kedudukan taraf sementara.

KEBAKARAN DI KAWASAN RUMAH PANGSA/SETINGGAN

8. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar ada kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai hampir 4,000 buah rumah dan rumah pangsa dan kawasan setinggan hanya ada satu jalan sahaja untuk keluar dan masuk, bagaimana jika berlaku kebakaran untuk keselamatan penduduk di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menyedari hakikat ini, bahkan saya sendiri juga sedar kerana seminggu yang lalu saya telah meninjau bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan juga di Selangor ini keadaan-keadaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun segala pelan bukan sahaja pelan bangunan, tetapi juga pelan susuratur tapak sesuatu rancangan perumahan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak Penguasa Tempatan ataupun Perbandaran dan bagi pihak Penguasa Tempatan serta Perbandaran, akan mendapat kelulusan dan nasihat pihak kebomgaan sebagaimana yang diperlukan oleh pihak kebomgaan. Menyentuh dalam masalah setinggan, ini menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga kepada Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Perbandaran.

Tuan Yang di-pertua, di dalam soal untuk menghadapi sesuatu kebakaran, saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini, inilah yang menyebabkan sering kali bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya bagi pihak Jabatan Bomba menyeru orang ramai supaya bertindak mencegah kebakaran kerana untuk melawan kebakaran bukan sahaja lebih susah, bahkan lebih bahaya daripada hendak mencegah kebakaran kerana hendak melawan kebakaran,

bukan sahaja di jalan yang satu sebagai mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah, apatah lagi jika sesuatu tempat itu penghuni-penghuninya terdiri dari orang yang ramai tidak bertanggungjawab? Sudahlah jalan satu, diletaknya pula kereta, diletaknya pula lori, diletaknya pula sampah di atas jalan, maka jalan besar akan menjadi sempit, apatah lagi kalau jalan yang telah sedia sempit? Oleh yang demikian, maka sekali lagi saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu supaya menyeru orang ramai bertindak mencegah kebakaran lebih baik daripada melawan kebakaran. Bagi hendak melaksanakan pencegahan kebakaran ini, saya telah berulang kali membentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak berhasrat untuk menambahnya.

PELABURAN ASING - GALAKAN

9. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah jumlah pelaburan asing mengikut negara asalnya setakat ini dan berapa pula permohonan baru daripada pelabur asing dan tempatan pada tahun 1989.

37. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah permohonan dan jenis pelaburan daripada orang asing (nyatakan negara) dan pelabur dalam negeri yang diterima dan diluluskan tahun ini di Malaysia dan di Sarawak khususnya;
- (b) hasil lawatan-lawatan beliau/MIDA ke luar negeri akhir ini;
- (c) jenis dan jumlah dagangan dua hala di antara Malaysia dan China pada tahun 1988/1989; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki lagi perhubungan dagangan terus dengan China.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 37 (a) dan (b) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Encik Tiong Hiew King yang dijadualkan pada hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh Januari-Oktober, 1989, sebanyak 658 projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$10,610.2 juta, di mana cadangan modal pelaburan asing adalah sebanyak \$7,508.8 juta dan cadangan modal pelaburan tempatan adalah sebanyak \$3,101.5 juta. Berhubung dengan sumber pelaburan bagi tempoh Januari-Oktober, 1989, adalah dimaklumkan sumber utama adalah negeri Jepun - \$2,247.1 juta; Taiwan - \$1,825 juta; Singapura - \$829 juta dan United Kingdom - \$956.5 juta, yang merupakan 75.3% daripada jumlah pelaburan asing bagi tempoh ini. Butir-butir lengkap sumber pelaburan ini akan diberi secara bertulis.

Mengenai pengagihan pelaburan secara keseluruhan kepada negeri-negeri, sebahagian besar dari pelaburan adalah di negeri Selangor - \$3,334.2 juta; Johor - \$2,520.7 juta; Pulau Pinang - \$918.6 juta; Pahang - \$794.8 juta dan Sarawak - \$685.6 juta, iaitu hampir 78% daripada jumlah pelaburan. Butir-butir terperinci mengenai pengagihan pelaburan bagi tempoh Januari-Oktober, 1989 akan diberi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 658 projek yang telah diluluskan bagi tempoh ini, 567 merupakan projek baru manakala 91 merupakan projek pembesaran. Mengenai hasil misi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang dibuat oleh pihak Kementerian keluar negeri, adalah sukar untuk memberi hasil lawatan-lawatan secara spesifik. Ini adalah kerana hasil usaha-usaha promosi hanya boleh dilihat dalam jangka panjang dan bukan dengan serta-merta. Namun demikian, bolehlah dirumuskan bahawa daripada trend positif dalam pengaliran pelaburan asing ke negara ini dari tahun 1980 sehingga Oktober,

1989, bahawa lawatan-lawatan ini telah memberi hasil yang berkesan. Bagi tempoh ini, projek-projek dengan pelaburan asing sebanyak \$22,106.5 juta telah diluluskan. Kebanyakan daripada pelaburan ini adalah negara Jepun - \$5,658.5 juta; Taiwan - \$3,031 juta; Singapura - \$2,193.9 juta; Amerika Syarikat - \$1,655 juta dan United Kingdom - \$1,548 juta.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan dan Perdagangan kerana berjaya menarik begitu ramai pelabur-pelabur dan saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian berkenaan kepada perkembangan yang lopsided, dengan izin, pelaburan di negeri-negeri Pantai Barat sahaja. Ini memanglah sejajar dengan Pelan Perindustrian Negara. Tetapi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat - kalau tidak dapat jawab secara lisan, harap secara bertulis - apakah Kerajaan akan mengkaji perkembangan proses perindustrian negara ini yang akhirnya akan menimbulkan perbezaan diantara wilayah? Perkembangan dan pembangunan ini akan menimbulkan pergeseran kelak di antara negeri dengan negeri dan wilayah dengan wilayah. Demi untuk menghindarkan ini, saya berharap pihak Kementerian akan mengkaji kembali sama ada Pelan Perindustrian ini sesuai dan sejajar dengan hasrat negara untuk mewujudkan perpaduan.

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar pelaburan adalah sedikit 'lopsided' Walau bagaimanapun, Kerajaan dari masa ke semasa mempertingkatkan langkah-langkah untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan tempatan atau asing pergi ke Pantai Timur. Di antara langkah-langkah ini adalah untuk, kita memaklumkan tentang sektor industri yang mempunyai potensi pelaburan di negeri-

negeri yang kurang maju. Kita mengumumkan tentang galakan-galakan pelaburan yang disediakan, khususnya galakan-galakan pelaburan yang spesifik berkaitan dengan lokasi-lokasi seperti di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Sarawak; Sabah dan Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Kerajaan mengadakan juga seminar-seminar untuk bakal pelabur-pelabur asing serta pelabur-pelabur tempatan dan melalui seminar-seminar ini kita menggalakkan pelabur-pelabur ini menunjukkan minat kepada negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harap bahawa negeri-negeri yang berkenaan seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis sendiri akan mengambil langkah-langkah untuk menarik pelabur-pelabur ke negeri itu. Lagi pula, Keputusan yang dibuat oleh pelabur asing atau pelabur tempatan adalah keputusan di dalam tangan lembaga syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan boleh menggalakkan pelabur-pelabur pergi ke tempat atau lokasi di negeri-negeri seperti; Kelantan dan Terengganu. Keputusan ini bukanlah dalam tangan Kerajaan. Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas, kita boleh menggalakan sahaja, dan kita tidak memaksa pelabur-pelabur ini pergi ke negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Penekanan saya bukanlah masalah kurangnya penggalakan pelaburan ke-tempat-tempat itu tetapi saya rasa dan saya ragui bahawasanya strategi untuk industrialisasi ini sudah dengan sendirinya condemn, dengan izin, negeri-negeri yang tersebut tadi. Saya ingin pandangan Yang Berhormat kepada pendapat saya itu.

Dato Dr. K.S. Hijhar: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedar, proses perindustrian adalah satu proses yang mengambil langkah jangka panjang bukan suatu proses yang boleh didapat hasil dalam jangka pendek. Oleh itu Kerajaan sudah menggalakkan langkah-langkah ini, sudah teruskan langkah-langkah ini, Kerajaan berharap pada satu hari akan datang perindustrian mestilah boleh dipertingkatkan di negeri-negeri berkenaan.

Soalan ini sudah ditimbulkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, dan Kementerian baru-baru ini membuat satu keputusan, di dalam keputusan ini saya akan melawat semua negeri-negeri kurang maju pada bulan Januari 1990 dan di dalam lawatan ini saya akan mengkaji semula apa halangan-halangan yang ada di dalam negeri ini dan saya harap selepas pengkajian ini, kita boleh mendapat langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan perindustrian di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucapkan tahniah kepada Kementerian kerana kejayaan Kementerian dalam menarik pelabur-pelabur asing. Kita tahu sekarang ini begitu banyak cawangan-cawangan syarikat korporat yang besar-besar di dunia yang mempunyai cawangannya di Malaysia. Dan banyak terdiri daripada pegawai-pegawai - chief executives terdiri daripada orang Malaysia sendiri. Soalan saya, adakah pernah Kementerian mengumpulkan mereka ini dan berbincang dengan mereka dan meminta mereka supaya sama-sama dapat membantu Kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur untuk datang ke negara ini kerana mereka ini mempunyai cawangan di seluruh dunia dan ini amat mudah, kerana kita tahu hendak menarik pelabur ini ialah melalui personal contact.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah untuk mengadakan perbincangan dengan chief executive, dengan izin, di korporat-korporat besar, Ini adalah satu proses yang continuous, dengan izin, bukan sahaja tahun lepas atau tahun depan, ini proses continuous, dan kita harap dari proses ini kita mendapatkan idea-idea yang lebih baik untuk mempertingkatkan lagi proses perindustrian di negara kita.

FELCRA - LUAS TANAH DIMAJUKAN

10. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan perkara-perkara berikut mengenai Rancangan FELCRA:

- (a) jumlah luas tanah FELCRA di seluruh negara dan rancangan yang berjaya atau gagal; atau
- (b) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk tiap-tiap rancangan FELCRA sejak dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Ogos 1989 sejumlah 228,002 hektar telah dimajukan oleh FELCRA. Adalah sukar hendak dinyatakan sama ada rancangan itu berjaya atau gagal kerana rancangan-rancangan itu berada di dalam beberapa peringkat pelaksanaan. Memang terdapat beberapa rancangan yang mempunyai masalah tetapi rancangan-rancangan tersebut akan diteruskan perlaksanaannya selepas masalah-masalah tersebut diselesaikan.
- (b) Bagi membangunkan kawasan tersebut, pihak FELCRA telah membelanjakan sejumlah \$724.095 juta sejak ia-nya mula dilaksanakan dalam tahun 1966.

SOCSO - PAMPASAN YANG DIBERI

11. Puan Valli Muthusamy minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan bahawa pampasan diberi oleh SOCSO ternyata tidak mencukupi, bolehkah Kementerian menimbangkan pindaan keatas Akta Keselamatan Pekerja, 1969 supaya ia memberi pampasan yang lebih baik, bertimbang rasa dan saksama kepada mangsa-mangsa kemalangan dan penyakit-penyakit.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa pampasan yang diberi oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) tidak mencukupi adalah tidak tepat. Sebenarnya, faedah-faedah yang terdapat di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah luas beserta dengan kadar pampasan yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta tersebut telahpun dipinda terakhir sekali pada bulan Julai 1987 bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi faedah-faedah di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Di antara lain, pindaan tersebut telah menaikkan kadar harian faedah hilangupaya sementara daripada 70% kepada 80% "daripada gaji harian purata anggapan, manakala kadar faedah hilangupaya kekal pula telah dinaikkan daripada 70% kepada 90% daripada gaji harian purata anggapan dan tertakluk kepada suatu jumlah minimum sebanyak \$8 sehari bagi kedua-dua faedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, Kementerian Buruh akan terus mengkaji dari masa ke semasa faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial bagi tujuan memperkemaskini dan meraperbaikinya lagi mengikut perubahan masa dan keadaan demi kepentingan kaum pekerja. Bagi tujuan mengkaji faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial, Kementerian Buruh telah memperolehi perkhidmatan seorang Aktuari dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk membantu dalam menjalankan kajian-kajian yang perlu.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sekarang ini di Merlin, hotel yang tertua sekali di negara kita berlakunya piket pekerja-pekerja. Saya, tidak tahu sama ada ini ter-

libat SOCSO ataupun tidak, tetapi ada kemungkinan supaya dapat kaitan dengan soalan ini, jadi apakah Kementerian hanya berdiam diri, tidak mahu menyelesaikan masalah kerana kita ada dua hari lagi Tahun Melawat Malaysia dan kalau dilihat oleh pelancong-pelancong asing, amat memalukan negara kita.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, kejadian berpiket di mana-mana di Malaysia ini sentiasa diambil perhatian oleh Kementerian Buruh ini dan termasuklah kejadian di Merlin itu.

PENDATANG HARAM - KEDATANGAN

12. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan pendatang haram pada masa ini. Benarkah kedatangan mereka ini kian bertambah bilangannya. Kalau benar; apakah tindakan yang telah dilakukan bagi menyekat kedatangan mereka yang membebankan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin adalah satu golongan orang-orang asing yang dilarang masuk ke negara ini. Oleh itu, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan terhadap golongan ini sekiranya mereka dapat dikesan. Setakat ini Kerajaan tidak dapat memastikan jumlah sebenar mereka di negara ini kerana kemasukan mereka adalah secara tidak teratur, dengan izin, illegal.

Untuk mengatasi masalah ini, beberapa langkah telah dilakukan **iaitu:-**

- (i) Membuat pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang disyaki.
- (ii) Mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan sempadan dan perairan negara yang disyaki dan sering digunakan oleh mereka untuk masuk ke negara ini.
- (iii) Mendakwa mereka serta orang-orang yang bersubahat dan memberi perlindungan kepada golongan ini di Mahkamah.

Hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil ini juga, seramai 131,755 orang pendatang tanpa izin telah ditangkap pada tahun 1987 hingga September 1989 dan 125,073 orang daripadanya telah pun diusir keluar daripada negara kita.

KEKOTORAN SUNGAI-SUNGAI

13. Puan Hajjah Habidah binti Yusof minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan benarkah kerana menebang hutan-hutan dan menimbus tanah-tanah paya untuk pembangunan tanpa perancangan yang teratur dari segi alam sekitar menyebabkan kekotoran sungai-sungai dan perubahan cuaca begitu mendadak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, segala aktiviti manusia yang melibatkan eksploitasi atau kemusnahan sumber-sumber alam semula jadi boleh menimbulkan masalah alam sekitar seperti kekotoran sungai dan perubahan cuaca jika perancangan yang teratur tidak diikuti. Sehubungan ini, Jabatan Alam Sekitar telah memberi garis panduan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sebelum mana-mana projek diluluskan.

Berkaitan dengan perubahan cuaca, ingin saya menjelaskan. di sini bahawa perubahan cuaca adalah satu-satunya fenomena yang kompleks dan ianya tidak semestinya berkait rapat dengan hutan sahaja.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DAN TEKNIK

14. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah vokasional dan teknikal yang wujud di negara mengikut pecahan negeri serta jumlah kemasukan ke sekolah-sekolah tersebut semenjak 10 tahun yang lalu;
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membekalkan pendidikan pertukangan, Vokasional dan teknikal yang bermutu; dan
- (c) jumlah peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah ini untuk tujuan penyelenggaraan dan pemulihan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Sekolah Menengah Vokasional di seluruh negara kita adalah 58 buah dan Sekolah Menengah Teknik di seluruh negara adalah 9 buah. Pecahan-pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<u>Sekolah Menengah Teknik</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Jumlah Pelajar 1980-89</u>
Kedah	1	2,500
Pulau Pinang	1	3,700
Perak	1	2,700
Wilayah Persekutuan	1	3,000
Negeri Sembilan	1	3,000
Melaka	1	3,200
Johor	1	2,900
Pahang	1	2,600
Terengganu	1	2,800
<u>Sekolah Menengah Vokasional</u>		
Perlis	2	3,200
Kedah	3	4,700
Pulau Pinang	3	5,200
Perak	5	4,000
Selangor	2	3,400
Wilayah Persekutuan	2	5,100
Negeri Sembilan	5	6,600
Melaka	2	3,400
Johor	8	2,500
Pahang	7	8,500
Terengganu	3	3,400
Kelantan	4	3,200
Sabah	7	6,600
Sarawak	5	8,600

(b) Pada masa ini, tidak ada strategi tertentu yang dilaksanakan untuk menggalakkan sektor swasta membekalkan pendidikan pertukangan, vokasional dan teknikal. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan ini sedia mempertimbangkan dan menggalakkan permohonan-permohonan untuk menubuhkan institusi-institusi pendidikan swasta yang mengendalikan kursus-kursus pendidikan pertukangan, vokasional dan teknikal jika pemohon-pemohon tersebut mematuhi undang-undang dan dasar-dasar negara serta bcrsesuaian dengan keperluan negara.

Sebenarnya sektor swasta telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam program latihan industri atau "on the job training" , dengan izin, selama 6 bulan yang diwajibkan kepada semua pelajar politeknik. Antara agensi-agensi swasta yang terlibat dengan program tersebut ialah Edaran Automobil Nasional, Matshushita Nasional Bhd., beberapa buah hotel bertaraf antarabangsa, seperti Hotel Merlin, Hilton, Pan Pasifik dan sebagainya.

Lawatan ke kilang-kilang perusahaan tertentu juga dibuat dari masa ke semasa untuk membiasakan pelajar-pelajar berkenaan dengan budaya dalam sektor perindustrian.

(c) Bagi tahun 1989 penyelenggaraan bangunan. untuk Sekolah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik. adalah \$2,800,000. Penyelenggaraan dan pemuliharaan alat kelengkapan Sekolah Vokasional dan Sekolah Teknik adalah \$1,800,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.15.

PELANCONGAN KE CHINA

15. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah S.O. 23[2]] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan agen-agen pelancongan yang telah berdaftar dengan. Kementerian untuk menguruskan pelancongan ke negara China bagi rakyat Malaysia yang umurnya lebih daripada 30 tahun dan
- (b) apakah kriteria-kriteria yang diperlukan supaya agen-agen pelancongan layak mengurnakan pelancongan untuk golongan tersebut..

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 38 buah agensi.
- (b) Ada beberapa kriteria yang diberi pertimbangan, antaranya termasuklah mempunyai modal yang mencukupi. serta ekuiti penyertaan bumiputera yang munasabah. Juga pertimbangan diberi dari segi pembahagian mengikut kawasan atau bandar, dan galakan kepada agensi. yang baru dan bermodal kecil untuk mencebur diri dalam kegiatan perniagaan **ini**.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, .masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup,

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 38 akan dimasukkana dalam naskhah bercetak kelak]

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Senator Dato Chan Choong Tak dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya dsngan sukacitanya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara mohon menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3) dan 5(2), saya dengan rasminya memasyhurkan Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara [**Tepuk**].

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak mengambil tempatnya di dalam Dewan yang mulia **ini**. Dipersilakan Yang Berhormat,

[Y.B. Dato Chan Choong Tak diiringi oleh Bentara Mesyuarat mengambil tempatnya]

**UCAPAN TAHNIAH KEPADA TIMBALAN YANG DI-PERTUA YANG BARU
DAH PENGHARGAAN KEPADA TIMBALAN YANG DI-PERTUA YANG LAMA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan - setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak atas perlantikannya sebagai Timbalan Yang di-Pertua yang baru. Dengan pengalaman yang ada pada beliau dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak akan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang sebagai Timbalan Yang di-Pertua bagi faedah Dewan dan Negara seterusnya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon [**Tepuk**] yang telah memberikan perkhidmatannya yang baik sepanjang tempoh beliau menjadi Timbalan Yang di-Pertua dan saya berharap semoga beliau akan menjadi bertambah sihat dan selamat selepas sembuh daripada sakitnya dalam beberapa bulan yang lalu. Sekian, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.39 ptg.

Timbalan Henteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Kewangan 1988 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1989 pada tahun lalu. Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Cukai Pendapatan 1967. Sesebuah amanah unit adalah tertakluk kepada cukai berlebihan bagi pendapatan yang dikenakan cukai yang melebihi \$300,000.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk mengecualikan pendapatan sesuatu amanah unit daripada cukai untung berlebihan. Di dalam Belanjawan 1989, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa galakan-galakan tertentu akan diadakan bagi menggalakkan penubuhan Ibu Pejabat Operasi (IPO).

Fasal 6 adalah berhubungan dengan Syarikat ibu, pejabat operasi. Syarikat ibu pejabat operasi yang diluluskan ialah sebuah syarikat asing yang mempunyai Ibu Pejabat Operasinya di Malaysia dengan tujuan memberi perkhidmatan kepada syarikat subsidiary atau gabungannya yang bertempat di luar Malaysia. Fasal ini juga bertujuan memasukkan perenggan baru (g) ke dalam seksyen 6(1) Akta supaya pendapatan yang diterima daripada pemberian perkhidmatan layak oleh IPO yang diluluskan akan dikenakan cukai pada kadar 10% sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 14. Kadar istimewa ini akan dibenarkan bagi tempoh 5 tahun dan boleh dilanjutkan oleh Menteri Kewangan bagi satu tempoh tidak melebihi 5 tahun. IPO perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan untuk tujuan menikmati layanan cukai khas.

Fasal 9 mencadangan seksyen baru 60E. Di bawah Seksyen ini, pendapatan dividen, diterima oleh IPO daripada pelaburan yang dibuat ke atas syarikat subsidiary atau syarikat gabungannya dikecualikan daripada cukai sepenuhnya. Dividen yang dibayar oleh IPO berkenaan akan juga dikecualikan pada peringkat pemegang saham. Pengecualian dihadkan untuk tempoh 10 tahun. Peruntukan-peruntukan tersebut di atas berkuatkuasa mulai Tahun-Taksiran 1990.

Di dalam, Belanjawan 1989, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa peruntukan khas mengenai cukai akan disediakan bagi menggalak perkembangan syarikat-syarikat modal usaha. Bagi tujuan ini, beberapa pindaan dicadangkan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967. Fasal 9 juga bertujuan memasukkan seksyen baru 60D mengenai percukaian ke atas syarikat-syarikat modal usaha.. Syarikat modal usaha ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di mana ianya memegang saham di dalam syarikat-syarikat urusaniaga yang terlibat di dalam projek atau aktiviti yang mempunyai risiko yang tinggi di samping teknologi baru. Di bawah Seksyen ini, keuntungan yang diperolehi oleh syarikat modal usaha dari penjualan saham dalam syarikat-syarikat usaha niaga dan dividen yang diagih dari keuntungan berkenaan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Kerugian pula tidak dibenarkan sebagai potongan daripada lain-lain pendapatan syarikat modal usaha dan juga tidak dibenarkan dibawa ke tahun hadapan. Seksyen baru ini juga membuat peruntukan supaya potongan dibenarkan bagi beberapa perbelanjaan tertentu di mana potongan ini tertakluk kepada had maksimum 25% daripada perbelanjaan tersebut . Syarikat modal usaha niaga perlu diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk menikmati layanan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Akta Cukai Pendapatan dipinda agar layanan khas diberi kepada unit-unit amanah.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 61 Akta supaya sebarang pendapatan yang terbit daripada penjualan saham atau harta tanah tidak akan dianggap sebagai pendapatan kepada unit amanah dan apa-apa pendapatan yang dibahagi-bahagikan daripada keuntungan itu tidak akan dikenakan cukai.

Fasal 11 bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 63A dan 63B ke dalam Akta. Seksyen 63A membenarkan suatu potongan khas bagi perbelanjaan modal yang dilakukan oleh sesebuah amanah unit. Potongan ini adalah dalam bentuk elaun yang bersamaan dengan 1/10 daripada perbelanjaan modal yang layak. Bagaimanapun, apa-apa elaun tak terserap tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan ke tahun yang berikutnya. Seksyen 63B membenarkan, sebagai potongan, suatu bahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan tertentu yang pada lazimnya tidak akan dibenarkan bagi maksud cukai, tertakluk kepada minimum 10% dan maksimum 25% daripada perbelanjaan-perbelanjaan itu. Bagaimanapun, apa-apa perbelanjaan tak terserap tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan ke tahun yang berikut. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa dari Tahun Taksiran. 1990.

Fasal 12 bertujuan memasukkan sub-seksyen baru (9A) ke dalam seksyen 110 Akta untuk menjelaskan bahawa jika pendapatan yang dibahagi-bahagikan oleh sesuatu amanah unit boleh dikenakan cukai ke atas pemegang unit maka cukai yang boleh dikenakan ke atas amanah unit itu akan diimbangi dengan cukai yang dikenakan ke atas pemegang unit ini.

Fasal 15 bertujuan meminda Jadual 4A kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat yang diberi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau galakan-galakan yang serupa di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang termansuh tidak boleh memilih mendapat potongan untuk perbelanjaan ladang berkelayakan. Perbelanjaan yang dilakukan adalah bagi maksud-maksud sesuatu projek pertanian yang diluluskan. Pindaan ini berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 1989.

Fasal 16 bertujuan meminda Jadual 7A kepada Akta untuk memastikan bahawa sesuatu syarikat yang telah diberi elaun pelaras perindustrian di bawah Akta Galakan Cukai 1986 tidak dapat menuntut elaun. pelaburan semula. Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Di dalam Belanjawan 1989, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa keuntungan yang diperolehi oleh unit amanah harta tanah dari penjualan harta tanah tidak akan dikenakan cukai pendapatan. Sebaliknya ia akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Untuk menguatkuasakan cadangan ini, Fasal 18 bertujuan meminda. tafsiran pendapatan di dalam seksyen 21 Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV ialah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Kewangan 1988. Di dalam Belanjawan 1989 Akta Cukai Pemindahan Syer telah dimansuhkan. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes cukai pemindahan syer yang belum selesai lagi.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dan juga untuk membolehkan Menteri Kewangan atau Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk meremitkan cukai di dalam Akta tersebut. Pindaan ini mulai berkuatkuasa mulai 21hb Oktober, 1988. Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Parid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Kewangan 1988, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali .yang- kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Adakah di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Ahli Yang Berhormat memberikan ucapan, saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan

untuk mengemukakan satu usul dahulu. Dipersilakan, Yang Berhormat.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul .7.30 malam dan selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Parid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis ini akah ditangguhkan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

3.53 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang sekali lagi untuk

berucap secara ringkas dan umum dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telahpun berucap dalam bidang yang sama iaitu kewangan di mana Rang Undang-undang itu telahpun diluluskan dengan matlamat untuk mengemaskinikan sistem ekonomi khusus strategi dan taktik pentadbiran kewangan negara untuk matlamat pembangunan, kestabilan dan kewibawaan negara di mata negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya ingin sentuh, saya tak gunakan perkataan tempoh lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, tetapi kedua-duanya pun membawa erti lebih kurang sama maksudnya.

Mengenai syarikat-syarikat multinational dan nilai harta tanah iaitu secara umum. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh ataupun sentuh bidang-bidang yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini secara khusus. Untuk menarik pelaburan, kita haruslah peka kepada kegiatan ekonomi di negara-negara maju. Saya rasa tindakan dalam cadangan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah sebagai susulan daripada, dengan izin, realisation pihak Kerajaan kita terhadap pembangunan sekitaran, terutama di negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, Thailand telah membangun dengan begitu pesat akhir-akhir ini sehingga matawang mereka pun telah mengatasi matawang kita iaitu selain daripada Singapura. Yang pertama seperti saya sebut tadi saya akan sentuh mengenai multinational yang beroperasi di Malaysia seperti Sime Darby, Dunlop, Guthrie dan lain-lain yang meliputi industri elektronik dan lain-lain- bidang

pembuatan.

Inginlah saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan di atas pembantangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua "R&D" ataupun Penyelidikan dan Pembangunan kepada sesuatu syarikat itu adalah mustahak. Ini adalah kaedah untuk menentukan viability, dengan izin, sesuatu perniagaan ataupun perusahaan dan produknya- agar barangan keluaran dari sesuatu syarikat itu diterima oleh pasaran dan dijual dengan untung kepada syarikat dan memberi faedah, serta kepuasan kepada pembeli dan pengguna. Tanpa penyelidikan dan perabangunan, sesuatu produk belum pasti akan berjaya. dipasarkan. Sekiranya sesuatu produk itu tidak boleh dijual, perniagaan akan rugi, kerugian perniagaan adalah kerugian kepada Kerajaan tanpa untung, tanpa , cukai, tanpa kerja, tanpa pembangunan, tanpa segala-galanya dalam konteks pembangunan ekonomi negara.

Jadi, untuk mendapatkan keuntungan barangan yang dikeluarkan itu mestilah boleh dijual dengan untung. Untuk mendapat untung, R & D mesti. dijalankan. Oleh yang demikian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, di atas segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini mengenai insentif yang. diberikan kepada syarikat-syarikat multinational.

Selain daripada itu, secara umum, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai multinational juga, iaitu saya.ingin sentuh mengenai dengan izin, transfer pricing, yang selalunya menjadi suatu kegiatan yang hebat kepada syarikat-syarikat multinational, di mana syarikat-syarikat multinational ini selalu manipulate, dengan izin, untuk. mendapat keuntungan berlebihan.

Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengawasi kegiatan transfer pricing ini agar Kerajaan negeri kita tidak akan kerugian dengan kegiatan yang tidak sihat ini. Kegiatan ini memanglah selalu dibuat, terutamanya oleh syarikat-syarikat yang memang kurang peka kepada suasana ataupun kepentingan rakyat iaitu syarikat-syarikat yang kurang, ada apa yang disebutkan sebagai tanggungjawab sosial iaitu sosial responsibility, dengan izin, terhadap rakyat di mana mereka mendirikan syarikat-syarikat mereka itu.

Jadi, harapan saya di sini adalah syarikat-syarikat multinational ini sedang mendapat faedah daripada pindaan Rang Undang-undang ini akan dapat memberi balik faedah itu kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, satu bidang lain iaitu mengenai non-tariff barrier, dengan izin, yang sering barang-barang kita hadapi di pasaran luar iaitu, terutamanya di Eropah dan di USA. Di mana barang-barang tadi didiskriminasikan dari segi kualiti. Contohnya, pakaian dan minyak sawit serta kayu kayan kita selain daripada keluaran-keluaran lain. Jadi, ini pun adalah satu usaha pasaran luar ataupun pasaran-pasaran yang begitu membangun untuk menyekat barang-barang daripada Malaysia masuk ke negara mereka iaitu dengan mungkin tidak menggunakan tariff iaitu import duty, tetapi menggunakan cara-cara yang lain iaitu dengan cara contohnya untuk mempersoalkan tentang kualiti barangan kita di negara mereka itu. Apabila saya sebutkan kualiti di sini, bukan bermakna kualiti secara mutu sahaja, tetapi dengan cara-cara lain lagi contohnya daripada segi kaedah pemasaran, daripada segi packaging, daripada segi bentuk barangan kita ataupun daripada segi ban-ban barangan kita.

Jadi inilah seringkali diguna oleh pasaran-pasaran luar yang maju untuk menyekat barang-barang kita masuk ke negara sana. Jadi inilah saya berharap pihak Kerajaan akan mendesak pihak multi-national companies kita ini supaya memainkan peranan giat untuk menolong dan membantu Kerajaan kita untuk mengatasi masalah diskriminasi terhadap barang-barang kita ini di negara-negara yang maju.

Sebelum saya, mengakhiri, inginlah saya sentuh secara ringkas mengenai hartanah. Inginlah saya cadangkan usaha untuk menurunkan kos hartanah di bandar-bandar iaitu saya ingin cadangkan ataupun mendesak pihak Kementerian Kewangan supaya janganlah cepat-cepat sangat memberi kelulusan kepada permohonan pihak Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan untuk hendak mendirikan atau untuk hendak menyewa bangunan-bangunan untuk kegunaan Kerajaan di pusat-pusat bandar terutama sekali di dalam Kuala Lumpur.

Jadi, daripada pendapat saya, yang penting di sini bukanlah tempat kalau untuk Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian. Kalau tempat hanya di dalam bandar ada juga masalah-masalah lain yang harus kita hadapi. Jadi saya cadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian supaya bangunan-bangunan Kerajaan ini harus dipindah - kalau boleh ke sekitaran bandar, di luar bandar. Jadi, dengan cara ini dapatlah kita, dengan izin, menginducuekan - saya menggunakan perkataan inducekan dan maaf, Tuan Haji, oleh sebab saya gunakan perkataan Inggeris banyak kali sangat harga tanah dalam bandar supaya turun iaitu dengan cara mengurangkan demand atau

permintaannya. Inilah satu cara untuk hendak menurunkan harga-harga tanah di dalam bandar iaitu dengan mengubah, iaitu pihak Kerajaan sendiri bagi permulaan, untuk initiate usaha ini supaya harga-harga tanah. dalam bandar ini turun.

Jadi, selain daripada dapat kita menurunkan harga-harga tanah dengan mengundur diri kita daripada bandar-bandar ini, ada juga faedah-faedah lain yang dapat kita capai. Yang terutama sekali dapat kita menolong penduduk-penduduk yang mungkin mundur di luar bandar dengan cara kita mengubah pejabat-pejabat serta bangunan Kerajaan ini ke luar bandar, dapat kita membangunkan kawasan luar bandar itu.

Selain daripada itu, masalah trafik begitu juga. Setiap hari, setiap masa kita menghadapi masalah trafik. Tetapi sekiranya kita berpindah bangunan Kerajaan kita ke luar bandar ini dapat kita selesaikan.

Selain daripada itu, masalah kesihatan. Saya percaya kalau kita pindah ke luar bandar semua percaya bahawa kesihatan kita lebih terjamin daripada kita mengadakan bangunan-bangunan kita di bandar-bandar oleh sebab kita selalu tercemar dengan asap-asap, Dan begitu juga selain daripada itu, ada lagi masalah-masalah hazard, dengan izin, seperti api dan asap yang saya sebut tadi, masalah-masalah electrical failure, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan begitu juga termasuklah masalah parking iaitu tempat untuk menyimpan kereta.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai hartanah ini, inilah cadangan saya agar pihak Kerajaan dapat memberi perhatian dan cadangan saya ini adalah derai kepentingan penduduk-penduduk di persekitaran bandar agar taraf hidup mereka akan bersama-sama dapat mereka kecapai dengan Kerajaan dan dengan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya sokong dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jikalau tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk raemberi jawapan. Dipersilakan.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin. Wan Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih. kepada Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun daripada Perlis yang telah bangun sekali lagi untuk menyokong dan membahas Rang Undang-undang ini.

Beberapa perkara telah ditempuh oleh Yang Berhormat. Saya pun sudah seronok pakai perkataan "tempuh" ini. Sukalah saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini serta Yang Berhormat, - seperti. saya bentangkan dalam ucapan sebentar tadi, pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan semasa membentang Belanjawan 1989 oleh kerana beberapa peruntukan kepada beberapa Akta seperti. yang saya sebut tadi perlu dipinda untuk kita melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan yang telah membangkitkan beberapa perkara serta cadangan-cadangan yang baik kepada Kerajaan.

Bersabit dengan syarikat-syarikat multi-national yang ada di dalam negara kita **ini**, seperti yang kita maklum, kehadiran mereka ini adalah penting kepada ekonomi untuk pelaburan, perindustrian dan sebagainya. Kehadiran mereka ini membawa pelaburan yang seterusnya akan mewujudkan aktiviti perdagangan, ekonomi, perniagaan dan

sebagainya yang seterusnya memajukan negara, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat telah mencadangkan supaya amalan-amalan oleh syarikat-syarikat tersebut seperti transfer pricing, non-tariff barrier dan beberapa perkara yang lain itu Kerajaan sentiasa berhati-hati dan memberikan perhatian supaya perkara-perkara yang buruk itu tidak dilakukan. Sehingga ini kita mempunyai undang-undang dan peraturan yang cukup untuk mengatasi masalah ini. Kita juga mempunyai kakitangan Kerajaan yang cekap dan jabatan-jabatan yang tertentu untuk memastikan undang-undang ini dikuatkuasakan.

Berkenaan dengan sekatan tariff daripada negara-negara luar kepada barang-barang kita, perkara ini tidak dapat dielakkan kerana begitulah amalan mereka yang tidak mahu ataupun yang cuba menyekat kemajuan negara-negara seperti negara kita ini. Walau bagaimanapun, seperti yang kita maklum, dari masa ke semasa Kerajaan mengadakan hubungan dagangan dua hala hubungan perdagangan dengan cara yang lain supaya barang-barang kita ini dapat kita pasarkan di luar-luar negara kita. Cadangan Yang Berhormat supaya kita memujuk syarikat-syarikat luar negeri ini supaya membantu Kerajaan dalam kita memasarkan barangan kita, ini satu cadangan yang baik yang saya fikir Kerajaan perlu mengambil perhatian.

Yang kedua dan yang terakhir ialah masalah hartanah. Yang Berhormat mencadangkan supaya Pejabat-pejabat Kerajaan ini dan saya fikir ianya termasuklah bangunan Parlimen ini, kita pindahkan kepada pinggir kota bagi mengelakkan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cadangan ini adalah satu cadangan yang menarik. Walau bagaimanapun, haruslah difikir Jabatan-jabatan Kerajaan ini tidak mempengaruhi dengan begitu besar kehadiran jabatan-jabatan ini di bandar ataupun di nadi kota atau ibu kota kerana kita mempunyai bangunan yang tidak begitu besar dan juga bilangannya. Kalaupun kita berpindah ke pinggir kota, harga tanah di ibu kota ini tidak akan turun kerana masih lagi ada demand ataupun permintaan kepada tanah oleh sektor swasta yang bertambah dari hari ke hari. Jadi oleh itu alasan ini saya berpandanganlah tidaklah begitu tepat, kerana kalaupun kita berpindah ke pinggir kota, nanti kita sahaja yang berpindah ke pinggir kota termasuk Parlimen ini dan Yang Berhormat semua kena berulang ke hotel yang begitu jauh dan banyak lagi kesulitan yang lain.

Selain daripada itu, kalau Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan ini perhatikan, kita nampak pergerakan Jabatan-jabatan ataupun Kementerian-ketnenterian yang beralih daripada pusat yang sesak di bandaraya. Umpamanya sekarang ini banyak Jabatan dan Kementerian berpindah ke pusat Bandar Damansara, itu juga satu langkah yang kita ambil untuk, melaksanakan cadangan Yang Berhormat tadi. Begitu juga Kerajaan telah membina beberapa blok bangunan untuk beberapa Kementerian di Jalan Duta yang jauh daripada pusat bandar dan juga Kerajaan Negeri Selangor telah berpindah ke Shah Alam yang dahulunya di tengah-tengah bandar di bangunan yang sekarang ini kita jadikan mahkamah. Cadangan Yang Berhormat ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Saya yakin sekalipun kita telah lakukan perkara ini, kesesakan lalulintas ini masih tetap akan berlaku dan malahan kesesakan lalulintas itu sebenarnya membayangkan kemajuan sesebuah negara itu. Semua bandar-bandar utama dalam dunia ini, kalau dianya lengang, maknanya bandar itu tidak maju.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat tadi akan dikaji oleh Kerajaan dan di mana-mana yang sesuai kita akan laksanakan. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua. dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga .

4.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemas Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tatatertib dan pengenaan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga termasuk Ketua Pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989 yang di antara lain adalah bermaksud seperti berikut:

- (a) Fasal 2, seksyen baru 17, untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib termasuk menetapkan bidangkuasa serta kuasa-kuasanya dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut;
- (b) Fasal 4, Jadual kedua, clause baru (j), untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menggubal peraturan-peraturan tatatertibnya sendiri. termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tatatertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib itu untuk membuat penjelasan diri; dan
- (c) Pasal 3, seksyen baru 24A, untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga bagi mengenakan surcaj keatas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut, menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk dibacakan kali yang kedua pada 15hb Disember, 1989 yang lalu mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan ini perlu dibuat.

Dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Dr. K.S.Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan.

4.19 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973.

Tuan Yang di-Pertua, memang kedapatan pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat yang telah gagal mengutip apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga, gagal ataupun cuai di atas apa-apa pembayaran wang daripada kumpulan wang yang tidak sepatutnya dibuat dan tidak disahkan dan begitu juga tidak menyimpan segala rekod-rekod mengenai kewangan, surat-menyurat dan seumpamanya. Akibat daripada perkara-perkara **itu**, prestasi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), khususnya EPK tidak menunjukkan kemajuan yang boleh membanggakan.

Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, menurut Buku Laporan Tahunan LPP 1987, Lembaga Pertubuhan Peladang telah mencapai matlamat pengurusan dari segi perbelanjaan mengurus sehingga meningkat kepada 102% dan manakala perbelanjaan pembangunan telah 'meningkat kepada 85%.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, LPP telah mencapai tahap yang lebih cemerlang walaupun dalam soal pembangunan, masalah mengambil tanah suatu daripada yang menyukarkan. Penglibatan tanah boleh diatasi dengan terlebih dahulu membuat beberapa rancangan ataupun perancangan-perancangan jangka panjang sama ada 3 tahun ataupun 5 tahun sepertimana Rancangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tahap pencapaian dalam perkhidmatan kejenteraan walaupun agak memuaskan, namun demikian disebabkan beberapa perkara yang lemah di segi-segi yang tertentu maka pusat kejenteraan juga telah tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Walaupun peladang-peladang memerlukan jentera untuk pembajakan tanah mereka bagi menjalankan projek-projek dan kedapatan juga jentera-jencera di pusat-pusat kejenteraan ladang tidak beroperasi dengan sepenuhnya. Ini adalah penting dengan adanya pindaan undang-undang baru yang boleh mengenakan surcharge kepada pegawai-pegawai ataupun penjawat yang bertanggungjawab di atas sesuatu yang dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan sumber tenaga manusia, sesuatu kejayaan yang membanggakan LPP bukan sahaja banyak kursus-kursus dan penyertaan ahli-ahli dapat dicapai tetapi juga lebih mencapai tahap pengauditan yang baik bagi Pertubuhan Peladang Negeri dan syarikat kerjasama yang tidak mencapai tahap pengauditan

yang baik. Pihak LPP amat perlu membuat satu susulan yang bertubi-tubi supaya segala buku-buku ataupun lain-lain rekod dapat disediakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah di segi usaha-usaha bagi menambahkan ahli bagi satu-satu Pertubuhan Peladang Kawasan. Kenapa sejauh ini penambahan keahlian bagi satu-satu pertubuhan kawasan tidak begitu cemerlang sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan sedangkan peladang-peladang yang layak menjadi ahli memang ramai. Ini disebabkan banyak PPK menjalankan beberapa projek sahaja yang boleh menambahkan ekonomi dan penglibatan ahli-ahli.

Begitu juga di segi penambahan saham. Penambahan saham daripada ahli-ahli amat kurang disebabkan oleh kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti bagi pertubuhan-pertubuhan tidak menunjukkan peningkatan. Dengan sebab itulah maka ahli-ahli bagi satu-satu pertubuhan tidak meningkat dengan sebaik-baiknya bagi tiap-tiap pertubuhan peladang. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, penambahan saham bagi tujuan-tujuan untuk menambahkan ekonomi ahli-ahli tidak dibuat oleh ahli-ahli disebabkan prestasi bagi pertubuhan peladang itu tidak membawa kepercayaan kepada mereka sendiri. Jadi, dengan sebab itu dengan adanya Rang Undang-undang yang baru yang dibuat oleh Kerajaan kica ini akan dapat memberi kepercayaan yang lebih-lebih lagi kepada pertubuhan pertubuhan peladang iaitu melalui ahli-ahli kita. Adalah diharapkan semoga Kerajaan dapat memainkan peranan di segi sama ada Kerajaan patut mewujudkan satu badan penasihat bagi PPN ataupun Pertubuhan Peladang Negeri ataupun PPK sendiri supaya PPK lebih menampakkan ataupun dapat membuat kemajuan-kemajuan bagi PPK. Sejahter ini, sepatutnya PPN akan dapat menjadi sebagai penasihat ataupun juruperunding kepada PPK. Begitu juga PPN sepatutnya

mendapat sokongan daripada NAFAS sebagai juruperunding ataupun penasihat kepada PPN ataupun Pertubuhan Peladang Negeri tetapi kedua-dua badan ini tidak menjalankan peranan itu tetapi menjalankan peranan ataupun fungsinya bersendirian. Dengan sebab itu, dengan adanya satu pindaan undang-undang ini akan memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai yang berkenaan semoga PPK ataupun PPN bahkan NAPAS sendiri akan mendapat kemajuan yang dikehendaki.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli yang lain untuk berucap, biarlah saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ceriraa kasih khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meraberi kepercayaan kepada saya dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mem-persetujukan atas pemilihan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua **hari ini**. Saya berharap bahawa saya dapat menjalankan tugas saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua dengan baiknya dan saya yakin Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada saya sama seperti yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoon, bekas Timbalan Yang di-Pertua dan juga sebagai-mana kerjasama yang sedang diberikan kepada Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua sekarang.

Dengan kerjasama itu saya berharap akan memudahkan lagi bagi saya menjalankan tugas- yang berat ini. Sekali lagi- saya hendak mengucapkan terima jkasih.

Sekarang berkenaan Rang undang-undang ini ada sesiapa yang hendak berucap? Kalau tidak ada saya menjemput Menteri dari Kementerian yang berkenaan untuk memberi jawapan

4.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]:- Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamed yang telah memberi teguran-teguran dan pandangan-pandangan kepada Rang Undang-undang ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat itu, banyak, perkara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat . Saya akan sentuh sebanyak yang saya boleh dan mana-mana perkara yang saya tidak dapat menjawabnya itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.oleh Kementerian saya.

Saya, tidak bersetuju bahawa Pertubuhan Peladang ini setakat ini ttidak mencapai satu tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan ataupun LPP sendiri kerana saya diberitahu bahawa pada tahun ini walaupun pada tahun-tahun yang lalu LPP telah mengalami kerugian, tetapi pada tahun yang sudah, LPP telah pulih semula dan mendapat keuntungan pada tahun yang sudah.

Seperti yang saya telah nyatakan semasa saya mencadangkan Rang Undang-undang ini bahawa tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk mengadakan proviso-proviso yang jelas bagi memperkemaskan perkara-perkara berkaitan dengan tatatertib dan

surcaj . Ini seperti yang dimaklumi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah untuk mempertingkatkan imej pertubuhan tersebut dan juga untuk mempertingkatkan 'efficiency', dengan izinnya, ataupun kecekapan-kecekapan kakitangan dan pegawai-pegawai Pertubuhan Peladang.

Berkenaan dengan jentera-jentera, Ahli Yang Berhormat tadi telah bangkitkan bahawa banyak jentera-jentera tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya. Ini adalah disebabkan kerana adanya banyak jentera-jentera dari golongan swasta ada di tempat-tempat untuk menyewa dan juga adanya peladang-peladang kita mempunyai jentera-jentera sendiri. Ini adalah satu bukti yang baik sekali yang menunjukkan taraf kehidupan ekonomi peladang-peladang kita telah meningkat ke tahap yang sangat bagus sampai mereka dapat membeli jentera-jentera sendiri ataupun dapat menyewa jentera-jentera dari swasta tanpa.....

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sahaja. Adakah yang disebut itu 'tentera' kah, atau jentera? Pada pendengaran saya di sini, tentera.

Tuan Ong Tin Kim: Maksud saya jentera-jentera. Sampai peladang-peladang itu sendiri mempunyai jentera-jentera sendiri dan juga ada kemampuan untuk menyewa jentera-jentera yang mereka kehendaki .

Berkenaan dengan simpanan-simpanan rekod ataupun dokumen-dokumen itu tidak sempurna, sudah jelas bukan di dalam pertubuhan ini sahaja yang berlaku, kadangkalanya terdapat dokumen-dokumen ataupun akaun-akaun itu tidak disimpan dengan kemas. Perkara ini berlaku di mana-mana juga, tetapi kita harap dengan adanya proviso-proviso dalam Akta pindaan ini, kita dapat mempertingkatkan kecekapan

pegawai-pegawai kita dalam hal ini dan kita harap dengan adanya Rang Undang-undang ini, pegawai-pegawai itu akan lebih menyimpan dalam simpanan rekod-rekod, dokumen-dokumen dan akaun-akaun.

Berkenaan dengan keahlian LPP ini walaupun keahlian baru ini tidak sampai ke satu tahap yang boleh dikatakan dikehendaki oleh pertubuhan sendiri, ini disebabkan bukan sahaja LPP yang merancang segala rancangan-rancangan untuk membantu peladang-peladang kita, tetapi banyak juga agensi-agensi lain seperti MARDI, KADA, MADA dan lain-lain agensi juga ada, rancangan-rancangan untuk membantu peladang-peladang kita. Jadi, sampai satu tahap, peladang-peladang kita dapat mamperolehi bantuan-bantuan dari sumber-sumber lain.

Jadi, itu adalah satu perkara dan sebab yang menyebabkan peladang-peladang itu seperti tidak giat ataupun tidak cenderung untuk masuk menjadi ahli LPP, tetapi saya difahamkan bahawa dalam tahun ini, LPP sedang menjalankan satu kempen untuk mendapat keahlian yang baru supaya keahlian-keahlian dalam pertubuhan ini dapat meningkat ke satu tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan ataupun oleh pertubuhan sendiri.

Berkenaan dengan saham pula, ini saya mengakui bahawa pengambilan saham dalam LPP ini tidak mencapai satu tahap yang dikehendaki oleh Kementerian dan juga LPP sendiri, tetapi ini boleh disebabkan oleh kerana peladang-peladang kita ini boleh memperolehi bantuan-bantuan dari berbagai agensi, bukan LPP sahaja, itu adalah satu sebab yang menghalang ataupun menjadi peladang-peladang kita, petani-petani kita enggan mengambil saham di LPP. Lagi satu sebab mungkin dari segi financial, dengan izin, petani-petani kita lebih berminat untuk menyimpan wang-wang mereka di Bank Simpanan Nasional ataupun lain-lain tempat, dan juga petani-petani kita bukan ramai yang memperolehi banyak duit, jadi dengan adanya Bank Simpanan Nasional dan lain-lainnya, itulah menjadikan pengambilan saham di LPP itu tidak memuaskan.

Saya harap juga dengan mengadakan peraturan-peraturan tata tertib sebagai yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini, imej Pertubuhan Peladang ini dapat dipertingkatkan dan mudah-mudahan bahawa dengan ini petani-petani kita, nelayan-nelayan kita dapat menyertai Pertubuhan-pertubuhan Peladang kita.

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat tadi bahawa PPN dan PPL itu sebenarnya PBK itu harus merancang rancangan jangka panjang supaya dapat mereka menjalankan rancangan mereka itu dengan teratur dan kemas. Dan tiap-tiap PBK itu adalah tergantung kepada pegawai-pegawai PBK itu sendiri, perkembangannya tergantung kepada pegawai-pegawai PBK yang berkenaan itu sendiri. Mereka tidak

boleh harap PPN atau PPL ataupun Kementerian datang membantu mereka supaya mereka berkembang. PPN dan PPL dalam hal ini cuma memberi sedikit nasihat, ataupun memainkan peranan perunding supaya semua PBK dapat menjalankan tugas-tugas mereka dan rancangan-rancangan mereka itu dengan kemas dan teratur.

Saya juga berpendapat bahawa dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, dengan adanya proviso-proviso berkenaan dengan tatatertib dan surcaj itu dapat pertingkatkan imej-imej LPP dan dengan itu PBK juga dapat ditingkatkan, dan dapat berkembang dari masa ke semasa.

Saya tidak dapat menyentuh semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi semua perkara yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK PERTANIAN MALAYSIA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini iaitu untuk memperkemas Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Bank mengenai perkara-perkara tatatertib, dan berkenaan surcaj bagi pegawai-pegawai dan pekerja Bank termasuk Pengurus Besarnya, di samping memperkemas kuasa Bank untuk menubuh apa-apa Jawatankuasa yang diperlukan serta memberi kuasa yang jelas kepada pihak Bank untuk menggubal peraturan-peraturan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1989 yang antara lain adalah bermaksud seperti berikut:-

Fasal 2 seksyen baru 10B untuk memperjelas kuasa pihak Bank bagi menubuh Jawatankuasa Tatatertib termasuk menetap bidangkuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut.

Fasal 4 seksyen baru 38A untuk memperjelas kuasa pihak Bank bagi menggubal peraturan-peraturan tatatertibnya termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tatatertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib untuk membuat pembelaan sendiri.

Fasal 2 seksyen baru 10C untuk memberi kuasa kepada pihak Bank bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Fasal 2 seksyen baru 10A untuk memperkemas kuasa menubuh apa-apa jawatankuasa yang diperlukan bagi membantu pihak Bank melaksanakan fungsi-fungsinya di samping untuk memastikan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa tersebut diadakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Fasal 3 seksyen baru 38 untuk memberi kuasa yang jelas kepada pihak Bank menyediakan peraturan-peraturan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti kemudahan pinjaman, pencen, pemberian elaun dan ganjaran kepada pegawai-pegawai dan pekerja Bank.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentang Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali kedua pada 15 Disember, 1989 yang lalu mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada di dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada Huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan ini perlu dibuat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia, 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

4.53 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bercakap tentang Akta Bank Pertanian ini dan saya mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia, 1969 dan saya bersetuju supaya ianya dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap panjang tentang masalah Rang Undang-undang ini, mohon izin bagi saya untuk memperkatakan sesuatu bagi mengucapkan tahniah kepada Dato' yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya dan rakan-rakan lain di dalam Dewan ini mengucapkan tahniah di atas perlantikan Dato' dan saya yakin dengan kepimpinan Dato', kita di dalam Dewan ini akan dapat mengikuti segalanya mengikut peraturan dan Aturan Mesyuarat biasa dan saya yakin Dato' akan menjadi seorang yang bertimbangrasa, bersabar dan memberi peluang seberapa ramai daripada kami untuk bercakap apabila sesuatu Bil itu dibentangkan.

Daripada segi peribadi, mungkin saya baru kenal dengan Dato' kerana saya adalah Ahli baru di dalam Dewan ini tetapi saya berpeluang berkawan dengan Dato' baru-baru ini di dalam lawatan ke negara-negara ASEAN dan di dalam kita menghadapi masalah di Filipina

di mana pemberontakan berlaku di negara itu, kita bersama-sama ter-tahan di Manila, maka saya perhatikan Dato' adalah seorang pemimpin yang penyabar dan seorang yang boleh diharapkan pimpinannya. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah.

Di dalam pembentangan Akta yang ada di hadapan kita ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana begitu cekap mem-bentangkan Akta ini yang bertujuan untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia, 1969 bagi mempertingkatkan disiplin, mendenda kakitangan yang cuai supaya diselaraskan dengan badan-badan berkanun Kerajaan yang lain dan saya doakan agar Bank Pertanian ini akan bertambah maju di masa yang akan datang. Kita tahu bahawa Bank Pertanian ditubuhkan di bawah Akta Parlimen Bil. 9/1969 yang berkuatkuasa pada 1hb Mei, 1969 dan pembukaan rasmi Bank ini pada 1hb September, 1969. Bank ini diwujudkan dari fikiran dan usaha pembangunan Kerajaan untuk memajukan tanaman padi terutamanya di negeri Kedah dan kebanyakan wangnya dibiayai oleh Bank Dunia.

Saya perhatikan bahawa mengikut objektif penubuhan Bank ini adalah untuk menggalakkan kemajuan pertanian yang sempurna dalam Malaysia, menyelaras dan menyelia bantuan kredit dan kumpulan wang : awam untuk maksud pertanian bagi berbagai-bagai orang atau kumpulan orang-orang, sama ada diperbadankan atau tidak, mengadakan kemudahan pinjaman, pendahuluan dan kredit untuk pertanian termasuklah penghasilan dan pemasarannya, menyelenggarakan wang simpanan khusus-nya dalam bidang pertanian dan bagi mencapai tujuan ini menerima wang-wang simpanan dan deposit semasa.

Di dalam pindaan di hadapan kita ini, Bank ini akan menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Bank. Agaknya tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan supaya semua kakitangan dapat meningkatkan kedudukan disiplin masing-masing supaya semua pekerja bekerja dengan baik, tidak ponteng bekerja, datang mengikut masa dan tidak cuai. Jika mereka berbuat demikian, maka tindakan-tindakan disiplin biasa akan diambil seperti penahanan kerja ataupun turun pangkat. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan, adakah Jawatankuasa Tatatertib Bank ini akan juga meliputi kerja-kerja rasuah oleh kakitangan-kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Bank Pertanian ditubuhkan dalam tahun 1969, saya perhatikan tidak pernah berlaku kes-kes rasuah di antara kakitangannya. Saya mengucapkan syabas kepada mereka dan teruskanlah kerja-kerja yang begitu baik yang dijalankan oleh kakitangan Bank tersebut. Tetapi ada kemungkinan ianya berlaku di masa akan datang, maka itulah sebabnya Jawatankuasa Tatatertib ini ditubuhkan mengikut undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya ingin bertanya, jika ada masalah-masalah rasuah berlaku di antara kakitangannya, adakah penyelesaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib ini? Di dalam negara kita ini kita ada Badan Pencegah Rasuah yang sepatutnya menjalankan penyiasatan dan menjalankan pendakwaan terhadap kakitangan-kakitangan yang rasuah ini.

Yang menjadi masalah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah sesuatu badan itu telah mendapat kuasa seperti apa yang kita hendak berikan ini akan menggunakan kuasanya itu, tetapi mereka bukannya orang yang mahir tentang masalah yang dihadapi mereka seperti Pengurus Besar ataupun Ketua Pengarah Bank Pertanian ini adalah seorang yang agak saya berkelulusan jurukira atau accountant dan sebagainya, ianya adalah fasih di dalam segi mengkaji sama ada permohonan pinjaman dari petani-petani kita boleh diluluskan ataupun sebaliknya, bagaimana, hendak menolong petani-petani kita untuk meningkatkan kedudukan ekonomi. Ianya bukanlah seorang pegawai yang boleh menentukan sama ada seseorang kakitangan itu telah mengambil rasuah ataupun sebagainya dan bagaimana hendak menghukum pegawai itu. Telah berlaku di atas satu agensi Kerajaan baru-baru ini di mana kita baca bahawa seorang Ketua Pengarah dengan hati yang sungguh gembira dapat menyarakan, memberi pencen kepada Timbalan Pengarahnya. Kita tidak tahu apa sebabnya, kerana tidak diberitahu kepada kita. Tetapi agak saya adalah kerana pegawai-pegawai itu terlibat di dalam masalah rasuah.

Inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa seorang Ketua Pengarah di sesebuah agensi boleh memutuskan, sungguhpun dia memutuskannya melalui Lembaganya sendiri, boleh memutuskan satu-satu keputusan, dan didapatinya Timbalan Pengarah itu seorang yang disyaki mengambil atau menerima rasuah, maka cara yang senang hendak menyelesaikan masalah itu mengikut pendapatnya adalah menyuruh pegawai yang berkenaan bersara. Adakah ini tujuan Jawatankuasa Tatatertib yang akan ditubuhkan oleh Bank Pertanian?

Agensi yang besar yang telah melakukan satu perkara yang agak salah ini patut diperbetulkan. Mungkin Kementerian yang berkenaan tidak ada kena-mengena dengan agensi ini, tetapi saya pohon supaya pendapat saya ini dapat disampaikan kepada Kerajaan. Kita ada agensi lain dari Kerajaan yang pandai menyelesaikan masalah-masalah ini. Agensi itu adalah BPR (Badan Pencegah Rasuah). Oleh itu, saya berharap semua badan-badan Kerajaan jika ianya adalah satu badan yang bersangkutan paut dengan tujuan untuk meninggikan taraf kedudukan ekonomi rakyat, kerjanya adalah untuk meninggikan kedudukan ekonomi rakyat sahaja, dari aspek yang difikirkan betul oleh badan yang berkenaan. Jika ada penyelewengan yang berlaku, kita ada badan lain yang boleh dan pandai menjalankan siasatan-siasatan dan menjalankan pendakwaan-pendakwaan, sama ada hendak didakwa di Mahkamah ataupun diselesaikan dengan apa cara yang boleh diterima oleh semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian ini adalah sebuah badan yang mempunyai kakitangan yang tidak begitu ramai. Mengikut laporan tahunan 1987 cuma 1,504 orang sahaja dengan 57 buah cawangan. Tetapi saya ingin bertanya, bahawa daripada 57 buah cawangan itu ada 3 buah cawangan lagi yang tidak menjalankan aktiviti-aktiviti sepenuhnya, jika dibandingkan dengan 54 buah cawangan lagi itu. Dia tidak menjalankan aktiviti simpanan, aktiviti Giro dan sebagainya, maka saya ingin bertanya kenapakah begitu dan bilakah agaknya Kerajaan akan memperluaskan supaya kesemua 57 buah cawangan ini menjalankan aktiviti sepenuhnya mengikut mana yang ada di cawangan-cawangan yang lain.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong supaya Bil. ini diluluskan dan sekali lagi tahniah kepada Dato'. Terima kasih.

5.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan rakan-rakan yang lain menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan sabentar tadi iaitu suatu Akta untuk maminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.

Sebelum saya melanjutkan ucapan ini, saya juga mengucapkan setinggi tahniah di atas perlantikan Dato' sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan pada petang **ini**. Semuga dengan perlantikan ini akan membawa satu era baru pada Dewan **ini**, lebih cemerlang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah masa dan ketikanya pindaan dibuat kepada Undang-undang ini kerana demi menjaga kepentingan petani-petani yang berselerak di seluruh negara kita ini yang sangat-sangat mengharapkan khidmat cemerlang daripada Bank Pertanian ini yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk membantu dan menolong para petani kita.

Kita tidak hendak apa yang telah berlaku di masa-masa yang lalu dan akhir-akhir ini di mana jenayah kolar putih ini telah begitu menjadi-jadi menggelap serta manyelewengkan wang rakyat dan wang negara berpuluh-puluh juta ringgit, dengan sebab kelemahan sesuatu Undang-undang ataupun Akta bagi sesebuah institusi **itu**. Kita berharap dengan adanya Undang-undang ini maka dapatlah satu kawalan yang lebih sempurna dan memberi keyakinan kepada rakyat bahawa bank ini benar-benar memberi pertolongan kepada seluruh rakyat jelata untuk membantu dalam hal-hal pembangunan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengawal kakitangan bank ini untuk tidak melakukan penyelewengan, saya juga berharap kepada Bank Pertanian yang ditubuhkan ini samata-mata untuk membantu rakyat luar bandar kepada pembangunan pertanian ini benar-benar memberi pertolongan, tidaklah sebagai melepaskan batuk ditangga sahaja.

Kita banyak mendengar rungutan daripada petani-petani dan orang-orang kampung yang hendak mendapatkan kemudahan ini. Sebagai pemimpin masyarakat kita bertanggungjawab menyeru dan mengajak supaya petani-petani ini mengambil peluang yang disediakan oleh Kerajaan, tetapi untuk mendapatkan bantuan daripada institusi ini banyak sangat kerenah yang mesti dilalui oleh petani-petani kita yang kebanyakannya memang di luar bandar dan kurang pengalaman serta kurang pelajaran. Kadangkala terdapat setengah-setengah petani yang benar-benar mengharapkan bantuan ini terpaksa menyediakan perkara-perkara yang diluar kemampuan mereka. Misalnya kalau hendak mendapatkan pinjaman, mestilah ada cagaran, mestilah ada geran tanah. Kalau tidak ada cari saudara-saudara yang ada dan yang boleh membantu, Kalaulah ini begitu ditekankan kepada orang kampung dan orang luar bandar, saya rasa amatlah sukar bagi mereka untuk mendapatkan kemudahan ini dan seharusnya pihak Kerajaan, khususnya Bank Pertanian ini memikirkan satu cara yang lebih mudah dan sesuai yang tidak dianggap begitu menekan kepada petani-petani kita untuk mendapatkan kemudahan ini.

Kita menggalakkan orang-orang kampung supaya mengusahakan tanah mereka dengan mengikut keadaan yang sesuai dengan keadaan semasa, kita juga mengharapkan supaya orang-orang kampung mengusahakan tanah-tanah terbiar, menjalankan usahawan menternak dan lain-lain tetapi mereka ini menyahut cabaran dan seruan kita dan sampai peringkat untuk mendapatkan bantuan ini, mereka gagal. Dan sebagai pamimpin masyarakat kamilah orang yang pertama berhadapan dengan orang-orang kampung ini dengan petani-petani luar bandar ini untuk menjelaskan keadaan-keadaan bagaimana untuk mereka mendapatkan bantuan. Dan secara spontan mereka akan menempelak kita sebagai satu usaha melepaskan batuk ditangga sahaja.

Jadi, melalui pindaan ini saya berharaplah, Kementerian Pertanian dapatlah mencari satu kaedah yang saya rasa lebih longgar lagi dan mendapatkan pulangan yang mudah untuk pinjaman kepada petani-petani luar bandar. Kadang-kadang kita terpaksa berhadapan dengan mereka kerana apabila wang berpuluh juta dari Bank Negara digelapkan, wang Bank Bumiputra digelapkan di luar negeri, semua itu kita menerima tamparannya. Tetapi bila kita hendak meminjam dengan kadar yang sedikit untuk membangunkan tanah di kampung-kampung, mereka tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya, saya berharap supaya apa yang kita katakan ini benar-benar memberikan kemudahan kepada rakyat di luar bandar. Walau apapun kita buat Akta demi Akta

dipinda tetapi hasilnya yang seharusnya kita fikirkan benar-benar memberi kesan dan menjayakan rancangan yang diatur oleh pihak Kerajaan demi kemajuan masyarakat dan rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat hendak memanjangkan lagi ucapan ini, saya sekali lagi menyokong penuh Akta ini bagi menjamin supaya jenayah kolar putih tidak akan berleluasa di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian untuk memberikan jawapan.

5. 04 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim] :
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan juga atas segala teguran-teguran, pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya akan cuba menyentuh beberapa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah memberi secara ringkas sejarah penubuhan Bank Pertanian, itu sangatlah tepat kerana saya tidak sempat untuk memberi sedikit sejarah tentang penubuhan Bank Pertanian ini dan saya ucapkan terima kasih kepada beliau. Berkenaan Bank Pertanian ini memanglah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak bahawa tujuannya ialah untuk mempertingkatkan sosial dan

ekonomi. petani-petani khasnya petani-petani di luar bandar dan ini adalah tujuan yang mustahak, yang utama bagi petani.

Berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak itu, berkenaan dengan rasuah, sebelum saya menjawabnya saya hendak menerangkan Jawatankuasa Tatatertib ini hendaklah diadakan untuk menguruskan urusan sehari-hari Bank Pertanian dan untuk mengawal kakitangannya supaya mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap, supaya mereka tidak mencuaikan tugas-tugas mereka dan tidak menyelewengkan tugas-tugas mereka. Jawatankuasa Tatatertib ini hanyalah mengendalikan perkara-perkara yang boleh dikatakan kecil seperti tidak ikut arahan, tidak ikut peraturan, mencuaikan tugas-tugas mereka.

Berkenaan dengan perkara yang besar tentulah jawatankuasa ini ada hak menguruskannya tetapi jikalau ada bukti-bukti ternyata, terdapat oleh jawatankuasa ini, perkara itu seperti rasuah ataupun jenayah yang besar akan dirujuk kepada pihak yang berkenaan seperti rasuah kita ada agensi yang mengendali rasuah dan jikalau ada CBT kita boleh rujuk kepada pihak Polis. Berkenaan rasuah ini walaupun adalah satu kesalahan oleh pegawai-pegawai pertubuhan tertentu tetapi kesalahan ini jikalau menjadi satu jenayah yang besar, bahawa jawatankuasa ini kalau terdapat bukti-bukti yang benar-benar, dia akan merujuk kepada pihak yang berkenaan. Seperti rasuah akan merujuk kepada Badan Pencegah Rasuah, kalau ada CBT akan merujuk kepada Polis, Jawatankuasa Tatatertib ini hanya mengendali

perkara-perkara seperti tidak ikut arahan dari Pengarah atau Pengurus, tidak mengikuti arahan dari atasan ataupun tidak mengikuti peraturan-peraturan menjalankan tugasnya, ataupun mencuaikan dalam menjalankan tugasnya ataupun penyelewengan dalam menjalankan tugasnya

Jadi, inilah jawapan saya kepada Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak. Rasuah walaupun memang itu dalam bidang kuasa jawatankuasa tetapi kalau kesalahan itu sudah jadi satu jenayah, ia akan dirujuk kepada pihak Polis. Hanya kesalahan yang kecil ataupun tidak menjadi jenayah akan dikendalikan oleh jawatankuasa di bawah Jawatankuasa Tatatertib. Saya harap penjelasan itu adalah jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Barhormat Tuan Haji Abdul Majid telah membangkitkan bahawa Bank Pertanian ini bertujuan untuk meningkatkan sosial dan ekonomi petani-petani di luar bandar ataupun akan membantu mereka dalam urusanniaga ataupun membantu mereka menjalankan perniagaan mereka ini tetapi mereka tidak dapat kemudahan-kemudahan dari Bank kerana Bank hendak cagaran tanah. Di sini saya hendak menjelaskan bahawa tugas Bank Pertanian ini sangat sulit. Ia hendak juga menimbangkan bahawa wang bank ini bukan wang dia sendiri. Bank ini mendapat wang dari Kerajaan, pinjaman dari Bank Dunia, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu. Jadi, kita kena jaga juga kepentingan negara, kepentingan rakyat seluruhnya di samping membantu petani-petani kita di luar bandar.

Jadi dia kepentingan itu kena dijaga juga. Bila kita keluarkan satu kemudahan pinjaman kepada petani-petani itu kita mesti memastikan bahawa wang ini akan dipulangkan balik kepada bank supaya ia akan digunakan untuk kemudahan petani-petani lain pula. Ini adalah tugas Bank Pertanian.

Dalam hal ini untuk memastikan supaya wang pinjaman itu dapat dipulangkan kepada bank, bank hendaklah ada satu jaminan supaya pinjaman itu dapat dipulangkan kepada bank. Kalau anggaran pinjaman itu besar menanglah bank itu menghendaki satu cagaran yang lebih bemutu, bernilai, tetapi untuk membantu petani-petani yang betul-betul susah, betul-betul miskin, kita ada pinjaman khas untuk petani. Tiap-tiap petani yang disenaraikan dalam golongan khas itu boleh dapat pinjaman tanpa cagaran, boleh pinjam sampai \$5,000 atau berapa ribu, saya telah lupa, tanpa cagaran boleh pinjam, tetapi dia hendaklah masuk ke golongan tertentu yang dikhaskan oleh bank. Dan juga bukanlah tanah-tanah sahaja yang boleh dijadikan sebagai cagaran oleh bank dan pak nelayan, umpamanya, mereka boleh beri bot-bot mereka itu untuk dicagarkan bagi pinjaman - bukan sahaja tanah. Juga jikalau petani-petani itu bekerja berkelompok, mereka boleh saling menjadi guarantor bagi satu antara lain. Kalau kita bekerja berkelompok dan kalau kita hendak pinjam \$30 - saya pinjam \$10, "B" pinjam \$10 dan "C" pinjam \$10. Saya jadi guarantor bagi "B" dan "B" jadi guarantor bagi "C". Perkara itupun boleh dipertimbangkan oleh bank. Jadi, bukanlah bank menghendaki tanah sahaja untuk cagaran, harta-harta lain seperti bot ataupun lain-lain harta boleh jadi cagaran juga. Maksud cagaran ini adalah untuk memastikan bahawa

pinjaman itu akan dipulang balik kepada bank supaya wang itu boleh membantu petani-petani yang lain. Selain daripada itu, sekiranya petani itu jatuh dalam golongan yang tertentu itu, dia boleh dapat pinjaman khas juga dari bank untuk \$5,000 itu bagi memulakan perniagaannya ataupun menjalankan usaha tanamannya dengan pinjaman yang kecil itu tanpa cagaran.

Dengan penjelasan itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita semua ini akan berusaha supaya bank ini dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi petani-petani dan nelayan-nelayan kita di luar bandar demi untuk kepentingan dan kemakmuran negara kita. Dengan itu, saya ucapkan sekali lagi berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Barhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.27 ptg.**

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemas Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tata tertib dan pengenaan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga termasuk Ketua Pengarahnya di samping memberi kuasa kepada pihak Lembaga untuk menggubal peraturan-peraturan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1989 yang antara lain adalah bermaksud seperti berikut.

Fasal 2 Clause 16 baru Jadual untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib termasuk menetapkan bidang kuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa. Tata tertib tersebut.

Fasal 4 Seksyen 32A untuk memperjelas kuasa pihak Lembaga bagi menggubal peraturan-peraturan tata tertibnya sendiri termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tata tertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tata tertib untuk membuat pembelaan dirinya.

Fasal 3 Seksyen baru 17A untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut, menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Fasal 3 untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga menyediakan peraturan-peraturan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti kemudahan pinjaman, pencen, pemberian elaun dan ganjaran kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali kedua pada 15hb Disember 1989 yang lalu mengikut babagian-bahagian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada di dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukaiah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan. ini perlu dibuat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.32 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971. Sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Dato' sebagai Timbalan Yang di-Pertua, mudah-mudahan Tuan Yang

di-Pertua akan dapat menjadi tonggak kepada kemantapan perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara seperti yang kita sedia maklum ditubuhkan pada 20hb September, 1971 mengikut Akta 47 Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dan Akta Pindaan A 211 (1974) dengan 5 objektif:

- (i) menyimpan dan menyelenggara bekalan padi dan beras yang cukup;
- (ii) memastikan harga padi yang stabil bagi petani-petani;
- (iii) memastikan harga beras yang berpatutan bagi pengguna-pengguna;
- (iv) memastikan beras yang cukup untuk keperluan negara; dan
- (v) membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan menyelenggara bagi membantu melaksanakan.

Aktiviti-aktiviti Lembaga Padi dan Beras Negara semasa berbentuk khidmat sokongan dan kawalan seperti perlesenan, penguatkuasaan, penyelidikan kejuruteraan, pentadbiran kewangan, perkhidmatan sosial, keselamatan makanan, termasuk harga minima terjamin padi, skim subsidi, simpanan beras import dan stockpile dari segi perdagangan, pembelian pemerosesan dan pemasaran padi beras juga diselenggarakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, peruntukan Belanjawan Tahun 1989 sebanyak \$1,043.94 juta telah diperuntukkan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Kebanyakan aktiviti-aktiviti berpusat di Kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara yang menguruskan

pembelian dan pemerosesan padi dan antara tahun 1983 hingga 1987 kerugian yang bertanggung oleh Lembaga Padi dan Beras Negara mencapai angka \$300 juta. Setelah kita menerima pindaan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, Seksyen baru 32A, kuasa membuat peraturan-peraturan tata tertib dan pindaan jadual tata tertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat ini akan menambah kecekapan dan keberkesanan pengurusan serta komitmen yang bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedia maklum, pembuat keputusan dan pihak pelaksana perlu disetempatkan di peringkat operasi di Kompleks-kompleks bagi membolehkan ketepatan keputusan dan kecekapan pelaksanaannya. Ini kerana padi dan beras lebih sensitif kepada situasi. Bercakap melalui pengalaman sebagai pengusaha kilang, untung rugi atau pulangan modal adalah dari pembuat keputusan yang cepat dan bertepatan di Kompleks-kompleks itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti beberapa badan-badan berkanun yang lain, Kerajaan 'memperuntukkan kewangan pusingan tahunan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Pada dasarnya, kewangan pusingan patut diperuntukkan sekali sahaja dan digunakan untuk memperolehi keuntungan. Seterusnya kewangan pusingan, termasuk, keuntungan digunakan selanjutnya. Tetapi Lembaga Padi dan Beras Negara diperuntukkan kewangan pusingan setiap tahun. Untuk mengurangkan beban yang ditanggung berterusan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ini, adalah disyorkan supaya Pekeliling Am Bilangan 2, Tahun 1985, bertajuk Garispanduan mengenai Penswastan, untuk Agensi-agensi Kerajaan yang bertujuan mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, mengalakkan pertandingan, meningkatkan kecekapan dan pengeluaran, mempercepat pertumbuhan menerusi penswastan, mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi,

penswastaan dan peluang untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Bertepatanlah dari sebahagian daripada Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1985 itu, Lembaga Padi dan Beras Negara perlulah melaksanakan dengan seberapa segera cadangan untuk koperatisasikan bagi membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara menubuhkan sebuah syarikat induk untuk mana anak syarikat boleh diwujudkan bagi Kompleks Bersepadu dan aktiviti pemasaran beras oleh anak syarikat itu sendiri. Dengan itu, penilaian ke atas faktor-faktor ekonomi, kecekapan dan keberkesanan komitmen kepada syarikat, kawalan operasi syarikat, peluang penambahan modal, pengembangan syarikat dan kerjaya personnel dapat ditingkatkan. Mudah-mudahan Lembaga Padi dan Beras Negara lebih berupaya untuk menambah modal kerja dan berkembang dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kompleks-kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara dikoperatisasikan, kos pemerosesan padi dapat dikurangkan. Hasil dari peningkatan kecekapan operasi dan kawalan ketat ke atas kos di samping melalui kebebasan di dalam menentukan kualiti dan jenis padi yang dibeli, syarikat juga akan memperbaiki mutu operasi yang dihasilkan.

Akta 47 Lembaga Padi dan Beras Negara Tahun 1971 dalam pindaannya tidak memperuntukkan kuasa membolehkan syarikat atau perbadanan, dengan itu pindaan dan peruntukan tambahan perlu dibuat ke atas Akta Lembaga Padi dan Beras Negara bagi memberi kuasa menubuhkan syarikat, mudah-mudahan kesempatan yang diambil dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara Tahun 1971 untuk meminda Akta.

Walaupun pindaan kepada kuasa membuat peraturan-peraturan tata tertib kakitangan, pegawai LPN yang didapati menyeleweng kerana kegiatan LPN. sebenarnya begitu terdedah kepada taburan kewangan yang besar dan kelewatan bertindak akan memberi kerugian yang berterusan.

Setelah 8 tahun beroperasi dan dengan ratusan juta ringgit kerugian berterusan, wajarlah tindakan menyelamat dilakukan segera.

Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.
5.41 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sepatah dua kata tentang Rang Undang-undang ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma perkara kecil sahaja yang saya hendak bawa. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ini kerana dalam masa yang singkat ini nampaknya tidak ada lagi rungutan-rungutan rakyat tentang padi bertimbun-timbun di tepi jalan tanpa ada kenderaan mengangkutnya seperti yang telah kita alami di dalam 5 tahun yang lalu. Ini adalah kerana kecekapan kakitangannya dan saya berharap bahawa Kementerian akan memberikan kepujian kepada mereka itu.

Yang Kedua, saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, jika Akta Bank Pertanian tadi ada diwujudkan Jawatankuasa Tata tertib,

kenapakan LPN pula tidak ada Jawatankuasa Tatatertibnya, tetapi masalah tatatertib dikendalikan oleh Lembaga di dalam persidangan penuhnya. Kenapakah tidak ada jawatankuasa yang sama?

Dan di dalam Bil LPN yang ada di hadapan kita ini, pekerja-pekerja yang dihadapkan di hadapannya tentang masalah-masalah tatatertib ini dibenarkan oleh pihakberkuasa atas pertuduhan tatatertib yang dibuat boleh membawa representasi, boleh membuat representasi di hadapannya, bermakna boleh mengengagekan seorang peguam bersidang untuk membelanya di hadapan Lembaga itu.

Kenapakah ada perbezaan di antara kedua-dua badan ini, walhal kedua-dua badan ini adalah di bawah satu Kementerian. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian memberikan jawapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang talah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini.

Saya akan cuba menjawab semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya saya tidak dapat menjawab segala perkara atau yang mungkin tidak saya sentuh, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak Kementerian saya.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah bin Che Mat telah menyentuh fungsi LPN. Seperti yang kita sedia maklum bahawa LPN ini bidangnya ialah untuk menyimpan dan menyenggarakan bekalan padi dan beras yang cukup dan untuk memastikan harga padi yang

berpatutan dan stabil bagi petani-petani dan juga pengguna-pengguna dan juga memastikan harga beras yang berpatutan juga bagi pengguna-pengguna, membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi yang bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras dan juga memastikan bekalan beras yang cukup bagi mengstasi segala kemungkinan kecemasan. Inilah tugas yang utama bagi LPN,

Puan Hajjah Rogayah telah mengesyorkan satu cadangan yang sangat menarik hati dan saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada beliau. Walau bagaimanapun, suatu perkara yang tidak dapat dielakkan bahawa oleh kerana bidangkuasa dan juga tujuan penubuhan LPN itu bukan tujuan utamanya untuk mendatangkan keuntungan bagi pertubuhan ini, tetapi untuk menyimpan dan menyelenggarakan bekalan padi dan beras yang cukup dan juga untuk memastikan kestabilan harga bagi petani-petani dan juga menjaga, mengawal harga yang berpatutan bagi pengguna. Dari segi ini terdapat ada keadaan-keadaan di mana LPN terpaksa membeli beras dari pasaran supaya harga itu tidak akan jatuh sampai kepada satu tahap yang akan menjejaskan pendapatan petani-petani kita.

Dari segi ini LPN tidak boleh kira untung atau rugi kerana nasib petani-petani kita lebih mustahak, nasib negara kita lebih mustahak daripada keuntungan.

Ada juga kadangkala kekurangan beras di pasaran, jadi LPN terpaksa mengimport beras dari luar negeri untuk memasarkan padi itu di pasaran di atas satu harga yang mungkin akan mendatangkan kerugian kepada LPN dan ini adalah di antara sebab-sebab yang mendatangkan kerugian yang besar kepada LPN.

Jadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat samua maklum

bahawa tugas dan tanggungjawab LPN bukan untuk mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan atau negara kita tetapi untuk menjaga simpanan, menyelenggarakan bekalan padi dan beras dan juga mengawalkan harganya bagi memastikan suatu harga yang berpatutan bagi para petani dan juga pengguna-pengguna. Inilah tugas utama bagi LPN.

Berkenaan dengan cadangan Puan Hajjah Rogayah yang sangat menarik hati, mungkin akan mempertingkatkan kecekapan LPN dalam menjalankan tugasnya ataupun akan dapat mengurangkan. sesuatu. kerugian kerana saya juga bersetuju dengan Puan Hajjah Rogayah kerana satu-satu keputusan kadang-kadang hendak dibuat dengan segera di kompleks LPN tetapi oleh kerana pertubuhan ini dengan organisasinya pada masa sekarang ini, pegawai-pegawai di kompleks itu tidak dapat membuat sesuatu keputusan yang penting tanpa mendapat kebenaran dari pihak atasan. Ini adalah satu kelemahan dalam organisasi LPN. Cadangan ini saya akan bawa balik ke Kementerian untuk mengkaji di peringkat Kementerian dengan sedalam-dalamnya. Mungkin pada suatu hari kelak kita akan meminda Akta LPN ini untuk mewujudkan anak-anak syarikat ataupun syarikat bagi LPN sendiri ataupun anak-anak syarikat untuk kompleks-kompleks. Perkara itu kita akan mengkaji dengan secara yang lebih mendalam lagi.

Berkenaan dengan mengapa tata tertib ini tidak dijalankan, tidak mewujudkan satu jawatankuasa untuk menjalankan tata tertib tetapi diserahkan kepada Lembaga, saya tidak pasti sebenarnya dengan perbesaran ini. Tetapi dapat saya tahu bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara pada masa ini ada satu jawatankuasa kecil untuk menyiasat sesuatu laporan berkenaan dengan penyelewengan ataupun kecuaiian dalam menjalankan tugas. Dengan adanya jawatankuasa kecil ini, saya fikir mungkin kita tidak perlu untuk mewujudkan satu jawatankuasa lagi untuk menjaga tata tertib.

Lagi pun Lembaga Padi dan Beras Negara ini adalah diberi kuasa yang luas sekali dan mereka dapat menjalankan dengan baik segala urusan. Lagi satu perbezaan antara Lembaga Padi dan Beras Negara dengan bank itu ialah tiap-tiap bank ada satu jawatankuasa untuk menjalankan disiplin, tetapi Lembaga Padi dan Beras Negara adalah lebih merupakan sebuah urusan daripada pertubuhan atau perbadanan agensi lain. Jadi, di sinilah letaknya perbezaan antara sebuah bank, atau satu agensi dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Mungkin itu adalah satu sebab mengapa sebuah jawatankuasa tidak perlu diwujudkan di bawah Akta pindaan ini.

Ulasan dan penjelasan yang ringkas ini, saya harap dapat memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat dan perkara-perkara lain yang tidak dapat saya sentuh dalam penjelasan saya, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Sekianlah saya ucapkan sekali lagi sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan didibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.56 ptg.

Tuan Ong Tim Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemaskan Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tatatertib dan berkenaan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga termasuk Ketua Pengarahnya di samping memperkemaskan kuasa untuk menubuh apa-apa jua jawatankuasa yang diperlukan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjeiasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1989 yang antara lain adalah bermaksud seperti berikut.

Fasal 2 Jadual Pertama baru Clause 3, ialah untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menubuh Jawatankuasa Tatatertib termasuk menetapkan bidangkuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut.

Fasal 4 seksyen baru 23A ialah untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menggubal peraturan-peraturan tatatertibnya, termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tatatertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan

tindakan tatatertib untuk membuat pembelaan dirinya.

Fasal 2, Seksyen baru 10C untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut, menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Fasal 4 Jadual Pertama baru ialah untuk memperkemas kuasa menubuh apa-apa jawatankuasa yang diperlukan bagi membantu pihak Lembaga melaksanakan fungsi-fungsinya di samping untuk memastikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa tersebut diadakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali yang kedua pada 15hb Disember 1989 yang lalu mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada Huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan ini perlu dibuat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tidak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.01 ptg.**

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemaskan Akta tersebut dengan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih jelas kepada lembaga mengenai perkara-perkara tata tertib dan pengenalan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga termasuk Pengurus Besarnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1989 yang di antara lain adalah bermaksud seperti berikut.

Fasal 2 seksyen baru 15A ialah untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib termasuk menetapkan bidangkuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tata tertib tersebut.

Fasal 4 seksyen 32A adalah untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi mengubal peraturan-peraturan tatatertibnya sendiri termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tatatertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib itu untuk membuat pembelaan diri.

Fasal 3 seksyen baru 22A untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut, menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran,

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali yang kedua pada 15hb Disember, 1989 yang lalu mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada Huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan ini perlu dibuat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk

meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.08 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ini, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini yang mengemukakan cadangan untuk pindaan kepada Akta yang dahulu ialah suatu Rang Undang-undang yang saya kira tepat pada masanya memandangkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu penting bagi negeri Kelantan. Lembaga ini penting kepada negeri Kelantan kerana Kelantan merupakan negeri pertanian dan bergantung besar kepada usaha-usaha pertanian untuk kebajikan rakyatnya.

Dalam mempertingkatkan pertanian di negeri Kelantan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu perlu dipertingkatkan juga produktivitinya. Bagi menjamin peningkatan produktiviti Lembaga Kemubu, kakitangannya perlu didorongkan supaya bekerja lebih kuat, lebih inovatif dan lebih kreatif dalam mencari penyelesaian kepada banyak masalah yang sedang dihadapi oleh kaum petani di negeri itu.

Kelantan sepertimana kita maklum semua ialah di antara negeri yang termundur di negara ini. Rakyat Kelantan rata-rata masih lagi di tahap yang amat rendah dari segi pendapatan malahan pendapatan per kapita rakyat Kelantan adalah rata-rata di antara \$1,500 hingga \$1,700 setahun. sahaja kalau dibandingkan dengan pendapatan per kapita rakyat di kawasan Klang Valley yang melebihi \$5,000 per kapita.

Pentingnya Lembaga ini kepada pertanian negeri Kelantan tidak dapat dinilai, lebih-lebih lagi memandangkan kawasan yang di bawah Lembaga ini mencakupi lebih kurang 60,000 keluarga atau, dengan izin, households. Ini bermakna kalau kita mengambil kira purata 5 orang setiap keluarga, lebih kurang 300,000 orang terlibat, iaitu lebih kurang 30% daripada penduduk negeri Kelantan, Masalah yang lebih besar lagi berkaitan dengan keluarga **ini**, umur purata kepala family di dalam kawasan KADA ini ialah 45 tahun, dengan lain perkataan mereka yang terlibat dengan pertanian di dalam kawasan KADA ini terdiri daripada mereka yang sudah agak tua, dan sekiranya perkara ini berterusan, saya berpendapat dalam jangka masa yang panjang kita hanya akan ada orang-orang tua sahaja di kawasan-kawasan yang sedang dimajukan ini. Ini ada kaitan dengan masalah holding ataupun milikan tanah di kawasan-kawasan ini.

Rata-rata petani-petani di kawasan ini memiliki hanya satu hektar tanah per family, dengan lain perkataan sebahagian besar daripada tanah dalam kawasan ini tidak economical. Jadi, tanah uneconomic ini tidak dapat dimajukan dengan begitu pesat kerana tidak cukup pekerja-pekerja, keluarga petani tidak mampu untuk bergantung semata-mata kepada pertanian dalam kawasan tanah mereka sendiri kerana tanah ini terlalu kecil. Oleh itu anak-anak muda kepada

petani ini terpaksa berhijrah dan memandangkan Kelantan tidak ada sumber peluang pekerjaan yang lain, maka penghijrahan kaum muda ini banyaklah ke Pantai Barat seperti Lembah Kelang, Johor, Pulau Pinang dan tempat-tempat pertumbuhan lain.

Kalau keadaan ini berterusan, dalam jangka masa tertentu tidak lama lagi kita akan menghadapi satu krisis dalam bidang pertanian terutama sekali di negeri Kelantan, Sekarang ini pun walaupun KADA telah banyak membelanjakan untuk memajukan pertanian dalam kawasan yang terlibat, hasil pertaniannya tidak sebanyak mana. Malahan, kalaulah kita ambil dari segi sayur-sayuran yang digalakkan juga oleh KADA di Kelantan, tidak mendapat sambutan yang baik daripada petani-petani sebab cost of production atau kos pengeluaran pertanian berkaitan dengan sayuran sangat tinggi. Oleh itu, penduduk Kelantan lebih minta membeli sayur-sayuran dari Thailand. Malahan peniaga borong hasil pertanian di Kelantan adalah hampir 90% datangnya daripada Thailand Selatan dan ini menjadi satu masalah yang besar kepada petani-petani kelantan apabila bersaing dengan sayur-sayuran yang murah daripada Thailand Selatan. Bukan sahaja masalah petani ini di Kelantan dikaitkan dengan persaingan daripada negeri Siam tetapi juga masalah peluang-peluang pekerjaan lain tidak ada. Malahan keluarga petani di negeri Kelantan hanya berpeluang untuk mencari kerja di luar negeri, misalnya musim off-season, iaitu musim tidak menanam padi, atau membuat kerja-kerja lain. Kebanyakan daripada mereka berhijrah ke Singapura atau ke negeri-negeri lain untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Ini pula menimbulkan banyak masalah terutama sekali kepada keluarga. Ada keluarga-keluarga yang tidak mempunyai orang tua, laki-laki di rumah untuk jangka masa yang panjang menyebabkan masalah sosial di kalangan keluarga pula.

Saya berpendapat ada kemungkinan pihak KADA dan pihak Kementerian Pertanian yang berkaitan dengan perancangan berhubung dengan masalah family yang terlibat dalam pertanian ini, tidak mengambil kira masalah-masalah sosial selain daripada masalah-masalah berkaitan dengan pertanian sahaja. Saya menyanjung tinggi usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan mini estet-mini estet seperti yang diadakan di satu kawasan sebagai percubaan iaitu di Munulating di mana terdapat petani-petani dikumpulkan di bawah suatu pengurusan yang memberi kemudahan-kemudahan supaya hasil pengeluaran dapat bertambah tetapi usaha ini terlalu sedikit dan terlalu jarang. Saya berharap pihak Kementerian akan dapat memperhebatkan kegiatan-kegiatan seperti ini supaya hasilnya dapat dinikmati oleh petani-petani ini.

Sesudah mengambil kira strategi pembangunan keseluruhan negara terutamanya berkait dengan perindustrian di mana negeri-negeri Pantai Timur diletakkan dalam mini corridor yang menghasilkan dan yang menimbulkan masalah-masalah pelaburan, iaitu negeri-negeri yang saya sebut tadi tidak mendapat pelaburan yang sewajarnya kerana sebab-sebab infrastructure dan sebab-sebab kemudahan lain yang tidak akan dapat menarik pelabur-pelabur, maka perkembangan dalam bidang pertanian ini menjadi lebih-lebih lagi penting kepada kemajuan negeri Kelantan. Tetapi sungguhpun kita menyedari bahawa inilah masalah yang dihadapi oleh negeri Kelantan, saya rasa tumpuan kepada bidang pertanian oleh bukan sahaja KADA tetapi Kementerian Pertanian keseluruhannya bagi negeri itu dan cara pemikirannya, pendekatannya masih lagi terkongkong dengan cara-cara yang sudah outdated, dengan izin

Oleh itu saya menyeru supaya Kementerian Pertanian 're-think', fikir semula apa pendekatan yang paling berkesan untuk memastikan bahawa rakyat Kelantan seramai 1.1 juta orang yang hampir kesemuanya terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pertanian, mendapat perhatian yang sewajarnya. Bukan sekadar untuk mengadakan badan-badan seperti ini sahaja tetapi apa sahaja langkah yang perlu diambil untuk memastikan bukan sahaja, dengan izin, quality of life, rakyat ini dapat dipertingkatkan juga dengan kita perlu memastikan bahawasanya rakyat negeri Kelantan ini mendapat pendapatan yang lebih daripada apa yang mereka sedang nikmati sekarang ini.

Dengan pertumbuhan perindustrian yang begitu pesat di Pantai Barat, sudah semestinya penduduk di Pantai Barat akan menikmati pendapatan yang tinggi kalau dibandingkan dengan Kelantan. Perbezaan pendapatan ini akhirnya akan menimbulkan perbezaan di antara wilayah dengan wilayah dan saya ingin tegaskan bahawa akan sampai satu masa apabila perbezaan pendapatan ini akan menimbulkan pergeseran di antara daerah dengan daerah, dan ini pula akan menimbulkan akhirnya satu konflik yang kita tidak akan ingini. Lagi pula ini akan menebalkan lagi perasaan kedaerahan daripada negeri-negeri yang terlibat ini yang kita tidak mahu dalam usaha kita untuk menyatupadukan rakyat kita keseluruhannya.

Jadi dengan itu, pihak perancang ekonomi, terutama sekali ekonomi berkaitan dengan pertanian, hendaklah mencari jalan bagaimanakah para petani negeri Kelantan yang rajin ini dapat diberi kemudahan-kemudahan, bukan subsidi, tetapi galakan-galakan dengan secara yang lebih inovatif dan kreatif supaya bukan sahaja mereka dapat menghasilkan hasil-hasil yang boleh dijual di dalam negeri sendiri, tetapi juga dapat bersaing dengan negeri jiran, iaitu Thailand.

Saya faham masalah uneconomic holdings, dengan izin, menjadi satu masalah penghalang kepada banyak perancangan pihak Kerajaan dan saya faham juga bahawasanya masalah-masalah berkaitan dengan sikap generasi muda hasil daripada sistem pendidikan kita sekarang ini menjauhkan mereka dari bidang pertanian, tetapi sesuatu perlu difikir secara integrated, bersama dengan Kementerian Pendidikan, Bahagian Perancangan di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian sendiri dan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan dengan pembangunan manusia.

Oleh itu, saya berharap apa sahaja pemikiran untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri ini hendaklah difikir bersama, bukan 'in isolation', dengan izin, oleh satu-satu Jabatan melihat dalam masalah dalam konteks masing-masing, akhir sekali kita menghasilkan satu penyelesaian yang tidak menyeluruh. Jadi saya bimbang perancangan Kerajaan kelak akan nampak seolah-olah adhoc atau patchwork - di sana timbul masalah, kita berlari ke sana untuk menyelesaikannya, tetapi kita tidak cuba melihat jauh daripada itu. Kita ada seorang Perdana Menteri yang mempunyai vision yang jauh, tetapi malangnya saya rasa ada di antara kita perancang-perancang yang tidak cuba melihat jauh daripada itu.

Kita menekankan bagaimana kita mesti menjangka apa akan berlaku dalam kurun ke 21. Sekarang kita hanya sepuluh tahun lagi ke kurun itu, tetapi lihatlah apa terjadi kepada bidang pertanian kita? Kita masih lagi dependent kepada negeri-negeri lain untuk menghasilkan perkara-perkara kecil-kecilan. Mengapa? Ini berpunca, saya rasa daripada pendekatan yang stereo-type. Ini berpunca daripada ramai kakitangan, tetapi tidak ada orang yang berfikir dan memikir masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dengan secara habis-habisan. Mengapa? Sebab kebanyakan daripada kita, apabila sudah sampai ke tahap kedudukan yang tinggi seperti dalam Dewan **ini**, kita tidak terasa lagi apa yang sedang dialami oleh mereka yang datang daripada bawah, tetapi saya rasa mereka yang ada dalam Dewan ini, sebahagian besarnya, asalnya datang daripada kaum tani belaka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya berharap pihak Kementerian Pertanian dalam merancang untuk pembangunan pertanian keseluruhannya akan memikir semula prioritynya dan memikir juga pendekatan-pendekatan baru supaya kita akan dapat mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh kaum tani.

Bagi mengakhiri ucapan saya dalam menyokong Rang Undang-undang **ini**, sekali lagi saya ingin mengingatkan semua yang terlibat dalam perancangan, terutama sekali perancangan pertanian, melihat masalah yang sedang dihadapi oleh negeri-negeri yang terpencil seperti Kelantan, Terengganu dan Malaysia Timur dalam konteks yang lain. Semoga dengan penglibatan yang baru ini, kita akan dapat melihat masalahnya dengan cara yang lebih terbuka dan dapat mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh kaum tani ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini, dan dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian untuk memberikan jawapan.

6.26 ptg.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun yang telah memberi satu ucapan yang panjang lebar dan dalam ucapannya telah memberi pandangan dan nasihat yang sangat menarik hati.

Kementerian dan Kerajaan memang sedar akan kemunduran negeri Kelantan khasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh kerana itu, kita telah mewujudkan KADA supaya mempertingkatkan taraf kehidupan sosio-ekonomi rakyat terutamanya petani-petani di negeri Kelantan dan fungsi KADA ini ialah untuk merancang dan mencari jalan serta rancangan untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi rakyat di Kelantan, khasnya kaum petani.

Berkenaan dengan soal tanah kecil, ini adalah satu hakikat bukan sahaja di Kelantan tetapi di negeri-negeri lain juga ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan, khasnya Kementerian Pertanian, dalam merancang perkembangan pertanian di negeri kita dan bagaimana supaya kita boleh mencantumkan bidang-bidang tanah yang kecil-kecil. Ini yang luasnya satu atau dua hektar itu dan yang pengeluarannya tidak begitu produktif dan tidak begitu ekonomik untuk mencantumkannya supaya menjadi satu estate ataupun satu bidang tanah yang lebih luas agar economies of scale dapat dijalankan.

Inilah masalah yang dihadapi oleh Kementerian kita dan para perancang-perancang kita. Dalam hal **ini**, Kelantan adalah satu negeri, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan Harun, satu contoh yang baik sekali untuk diperhatikan.

Kementerian kita bukan sahaja sedar perkara ini tetapi juga telah cuba mencari jalan dan ikhitar untuk merancangkan supaya tanah-tanah yang tidak dapat mengeluarkan hasil ekonomi itu dapat dibangunkan untuk mempertingkatkan lagi hasil-hasil dan pengeluaran-pengeluaran mereka itu. Ini juga dirancangkan secara jangka panjang, Dalam hal ini, Kementerian kita telah menjalankan dua jenis rancangan untuk cuba mengatasi masalah ini.

Satu, ialah pertanian berkelompok supaya tanah yang lebih besar minta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri ataupun dicantumkan oleh tuan tanah-tuan tanah sendiri supaya mereka menjalankan kerja pertanian itu berkelompok. Ini adalah satu rancangan, kita ada jalankan bukan sahaja di negeri di Pantai Barat juga di Pantai Timur termasuk Kelantan.

Yang kedua, perkara itu telahpun dirujuk oleh Yang Berhormat tadi iaitu mini estet. Mini estet ini bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah uneconomic scale of production, dengan izin. Mini estet ini konsepnya ialah supaya satu bidang tanah yang lebih luas dapat dikerjakan oleh sekumpulan atau sebuah, syarikat, atau sekumpulan petani-petani supaya kita dapat mencapai pengeluaran hasil yang lebih tinggi, mempertingkatkan dengan perkataan 'mempertingkatkan pengeluaran hasil petani-petani kita'. Ini dua rancangan yang kita sedang bergiat menjalankannya diseluruh negara kita, dari Perlis sampai ke Johor, dari Kelantan sampai ke Terengganu.

Di Kelantan kita ada beberapa rancangan berkelompok dan mini estet di kawasan Manong Lanting. Ini terlibat 200 hektar tanah untuk dikerjakan secara mini estet, supaya petani-petani di kawasan sekitar itu dapat mewujudkan satu syarikat untuk menjalankan mini estet itu. Ini adalah satu usaha Kerajaan atau Kementerian Pertanian supaya mempertingkatkan sosio ekonomi petani-petani kita di Kelantan. Ini sudah nyata bahawa Kerajaan bukan sahaja sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri Kelantan khasnya luar bandar, rakyat, petani-petani kita di luar bandar, bahkan kita telah

mengambil langkah dan mengambil tindakan, telah merancang secara jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Tetapi sesuatu masalah itu tidak dapat kita elakkan bukan sahaja oleh kita, tetapi oleh mana-mana negeri juga bila kita memasukkan era perindustrian, sudah tentunya orang-orang muda kita akan kejar-mengejar untuk melompat dari bandar-bandar kecil ke bandar-bandar besar untuk mencari peluang pekerjaan kerana di sana, di bidang perindustrian, pendapatan mereka akan melebihi apa yang mereka akan dapat di kampung-kampung.

Ini satu masalah, bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, juga dihadapi oleh Taiwan, Korea, juga dihadapi oleh syarikat Amerika di masa 200 tahun dahulu dan dihadapi oleh United Kingdom 400 tahun dahulu, tetapi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak boleh menjadi satu alasan supaya kita tidak payah cari ikhtiar untuk mengatasi masalah ini.

Di sini saya bersetuju juga dan saya juga akan membawa perhatian Kementerian Pertanian supaya satu rancangan integrated ataupun pendidikan dengan petanian dan pembangunan integrated, dengan izin. Pembangunan integrated mungkin dapat mengatasi masalah ini, khasnya kita cuba menyalurkan sumber tenaga kita ke bidang pertanian. Kalau semua tenaga kita masuk ke bidang perindustrian, sudah tentu kita tidak akan ada beras, tidak akan ada sayur, tidak akan ada buah-buahan dan di masa biasa ini tidak akan menimbulkan satu perkara yang besar, tetapi dalam masa kecemasan, kita akan menghadapi masalah yang besar. Jadi ini adalah satu masalah yang besar yang penting dan yang cemas juga hendak diatasi. Satu caranya ialah integrated development iaitu pembangunan integrated. Konsep ini memang bagus, dan saya percaya Kerajaan memang sedar akan

perkara ini. Langkah-langkah juga akan dan sedang diambil oleh Kerajaan.

Kita telah ada Universiti Pertanian, ini adalah satu bukti bahawa bukan sahaja Kerajaan hendak menekankan pembangunan perindustrian, juga kita menyedarkan perkembangan pertanian kita. Ini boleh dijelaskan dalam peruntukan pada tahun ini, peruntukan kepada Jabatan. Pertanian atau Kementerian Pertanian adalah yang paling tinggi sekali dari semua Kementerian. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita bukan sahaja menekankan perkembangan perindustrian, juga kita mengambil perhatian dalam perkembangan pertanian.

Dengan ucapan **ini**, saya suka sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan

Tuan Saidin bin Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelas sedikit berhubung dengan padi berkelompok.

Tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa padi berkelompok ini akan diwujudkan bagi kawasan-kawasan pertanian untuk mempertingkatkan ekonomi, kenapakah padi atau beras itu sahaja dijadikan makanan, kenapakah batang padi, sekam, dedak tidak dijadikan satu bahan untuk mempertingkatkan ekonomi? Misalnya batang padi untuk dijadikan kertas ataupun kraftangan, sekam untuk dijadikan arang ataupun dedak dijadikan sabun ataupun majerin. Itu sahaja.

Tuan Ong Tin Kim: Terlebih dahulu saya hendak jelaskan bahawa berkelompok ini bukan sahaja padi berkelompok, tetapi saya kata kita menjalankan rancangan berkelompok. Konsep ini bukan sahaja terhadap kepada padi, tetapi di dalam bidang pertanian sama ada sayur-sayuran, buah-buahan ataupun lain-lain pertanian.

Kita menggalakkan konsep berkelompok supaya petani-petani kita berkumpul semua sekali untuk mengerjakan tanah-tanah mereka itu supaya bercantum sekali. Itu konsep berkelompok dan konsep ini bukan sahaja dilaksanakan di bidang padi sahaja, tetapi di bidang menanam sayur, buah-buahan seperti jagung atau lain-lain dan dalam di tiap-tiap negeri, saya ingat kalau saya tidak silap, ada projek • berkelompok untuk ternakan ikan juga bukan padi sahaja.

Berkenaan dengan bahan-bahan batang padi dijadikan bahan kraf-tangan, Kerajaan memang menggalakkan perindustrian hiliran iaitu downstream industry. Kita menggalakkan ini bukan sahaja di bidang padi dan perikanan, kita juga menggalakkan supaya ikan bukan sahaja dijual secara hidup, bahkan juga diproses supaya ditinkan untuk dieksport ke luar negeri. Kita juga menggalakkan buah-buahan dijadikan tinned juice dan tinned fruit untuk dieksport ke luar negeri. Jadi rancangan-rancangan ini memang ada, bukan tidak ada.

Berkenaan dengan teguran bahawa rancangan Kementerian atau Kerajaan itu seolah-olah patchwork, ini saya ingat adalah salah faham ataupun kurang faham tentang rancangan-rancangan Kementerian kita. Sebenarnya kita ada rancangan jangka panjang untuk memper-tingkatkan keluaran perikanan dan juga untuk mempertingkatkan penghasilan sayuran, kita ada rancangan jangka panjang tetapi rancangan itu hendaklah dijalankan berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Jadi, dari luar mungkin nampaknya secara patch-work tetapi memang kita ada rancangan jangka panjang.

Itulah sahaja, sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak dapat saya sentuh, semua perkara ini akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN MUDA (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.45 ptg.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemas Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tata tertib dan penganan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga termasuk Pengurus Besarnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1989 yang antara lain adalah bermaksud seperti berikut:-

Fasal 2 seksyen baru 15A ialah untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menubuh Jawatankuasa Tata tertib termasuk menetap bidang

kuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Fasal 4 seksyen baru 32A untuk memperjelaskan kuasa pihak Lembaga bagi menggubal peraturan-peraturan tatatertibnya sendiri termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tatatertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib untuk membuat pembelaan diri.

Fasal 3 seksyen baru 22A ialah untuk memberi kuasa kepada pihak Lembaga bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tidak patut menyebabkan kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentang Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali yang kedua pada 15hb Disember, 1989 yang lalu mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan,

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada di dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada Huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebab pindaan ini perlu dibuat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Yang Berhormat hendak berucap, dipersilakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN
PERTANIAN MALAYSIA [PINDAAN]**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50 mlm.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1972 dibaca iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk memperkemaskan Akta tersebut dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas kepada Institut mengenai perkara-perkara tata tertib dan penganan surcaj bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Institut, termasuk Ketua Pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1989 yang antara lain adalah bermaksud seperti berikut.

Fasal 2 seksyen baru 7A ialah untuk memperjelaskan kuasa pihak Institut bagi menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib, termasuk menetapkan bidang kuasanya, kuasa-kuasa dan juga membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tata tertib tersebut.

Fasal 4 Seksyen baru 25A, adalah untuk memperjelaskan kuasa pihak institut bagi menggubal peraturan-peraturan tata tertibnya termasuk penetapan jenis-jenis kesalahan tata tertib, hukuman-hukuman, prosedur yang perlu diikuti dan peluang kakitangan yang dikenakan tindakan tata tertib untuk membuat pembelaan diri.

Fasal 3 Seksyen baru 17A, ialah untuk memberi kuasa kepada pihak institut bagi mengenakan surcaj ke atas kakitangan yang gagal mengutip wang, membuat apa-apa bayaran tak patut menyebabkan kekurangan atau kemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan membuat bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terperinci terhadap cadangan pindaan-pindaan ini adalah sama dengan apa yang telah saya berikan semasa membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 untuk bacaan kali yang kedua pada 15hb Disember, 1989 yang lalu, mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berada dalam Dewan ini semasa penjelasan tersebut dibuat, maka sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada Huraian yang terdapat pada penghujung Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1989 yang menjelaskan sebab-sebabnya pindaan ini perlu dibuat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang bernama suatu Akta untuk meminda suatu Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berbahas?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG JUALAN BARANG
[PINDAAN DAN PERLUASAN]**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jualan. Barang Negeri-negeri Melayu 1957 dan bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke Negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 23hb April, 1957 satu Ordinan bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan jualan barang-barang telah berkuatkuasa di negeri-negeri Tanah Melayu. Ordinan ini ialah Ordinan Jualan Barang (Negeri-negeri Malayu) 1957. Menurut Seksyen 2 Ordinan tersebut, negerinegeri Tanah Melayu telah ditakrifkan

sebagai negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu. Ini bermakna bahawa Ordinan Jualan Barang (Negeri-negeri Melayu) 1957 tidak terpakai bagi Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Bagi negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang, undang-undang berkenaan dengan jualan barang yang dipakai ialah undang-undang Inggeris. Ini adalah selaras dengan subseksyen (2), Seksyen 5, Akta Undang-undang Sivil 1956 yang memperuntukkan, dengan izin:

"5(2). In all questions or issues, which arise or which have to be decided in the States of Malacca, Penang, Sabah dan Sarawak with respect to the law concerning any of the matters referred to in sub-section (1), the law to be administered shall be the same as would be administered in England, in the like case, at the corresponding period, if such question or issue had arisen or had to be decided in England, unless in any case other provision is or shall be made by any written law".

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 5 Akta Undang-undang Sivil pula memperuntukkan, dengan izin:

"5. (1) In all questions or issues which arise or which have to be decided in the States of West Malaysia, other than Malacca and Penang, with respect to the law of partnership, corporation, banks and banking, principal and agents carriers by air, land and sea, marines, insurance, average life and fire insurance and with respect to mercantile law generally, the law to be administered shall be the same as would be administered in England in the like case at the date of the coming into force of this Act, if such questions or issues had arisen or had to be decided in England, unless in any case other provision is or shall be made by any written law."

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat dua undang-undang mengenai jualan barang di Malaysia Barat, iaitu satu undang-undang bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang dan satu lagi bagi negeri-negeri lain di Malaysia Barat, peruntukan yang terkandung di dalam kedua-dua undang-undang itu adalah hampir serupa. Dengan itu adalah wajar supaya hanya satu undang-undang sahaja terpakai bagi semua negeri di Malaysia Barat. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya pergantungan ke atas undang-undang Inggeris dapat dikurangkan.

Pindaan yang dicadangkan kepada Akta Jualan Barang; 1957 adalah untuk memansuhkan perkataan-perkataan, 'except Malacca and Penang'

di dalam subseksyen (2) seksyen 1 dan dengan pemotongan perkataan-perkataan tersebut, Akta Jualan Barang, 1957 akan terpakai di semua negeri di Malaysia Barat termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan pindaan yang dicadangkan, suatu undang-undang seragam mengenai jualan barang akan dipakai di semua negeri di Malaysia Barat termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[**Dato Dr. K.S. Nijhar**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jualan Barang, 1957 dan untuk memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Di persilakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.05 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh] : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda dua seksyen Akta Mahkamah Kehakiman 1964, iaitu Seksyen 9 dan 17. Seksyen 9 Akta Mahkamah Kehakiman mengandungi peruntukan mengenai penjalanan kuasa-kuasa dan perlaksanaan tugas-tugas Jawatan Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya serta Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo semasa ketidakupayaan atau ketiadaan mereka.

Subseksyen 1, Seksyen 9 memperuntukkan bahawa semasa ketidakupayaan Ketua Hakim Negara disebabkan oleh sakit atau selainnya atau ketiadaannya di Malaysia, segala kuasanya hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan serta segala tugas jawatannya termasuk fungsi-fungsi di bawah Perlembagaan Persekutuan hendaklah dilaksanakan oleh Hakim Mahkamah Agung yang mempunyai keutamaan paling dekat selepasnya yang berada di Malaysia dan dapat bertugas.

Subseksyen 2, Seksyen 9 pula memperuntukkan bahawa semasa ketidakupayaan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo disebabkan oleh sakit atau selainnya, atau ketiadaannya di Malaysia, segala kuasanya hendaklah dipunyai dan dijalankan serta tugas jawatannya hendaklah dilaksanakan oleh Hakim Mahkamah Agung atau Hakim Mahkamah Tinggi tersebut yang mempunyai keutamaan paling dekat selepas Hakim Besar berkenaan yang berada di Malaysia dan dapat bertugas.

Adalah diperhatikan bahawa peruntukan mengenai siapa yang akan mengambilalih penjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan tugas-tugas jawatan Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya serta Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo semasa ketidakupayaan atau ketiadaan mereka adalah tidak jelas. Ada kemungkinan bahawa Seksyen 9 akan ditafsirkan bagi membolehkan lebih daripada seorang Hakim menuntut hak dalam penjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan tugas-tugas Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar semasa ketidakupayaan atau ketiadaannya.

Oleh yang demikian, adalah wajar supaya Seksyen 9 dipinda untuk menentukan dengan jelas siapa yang akan menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas jawatan Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar semasa ketidakupayaan atau ketiadaaa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Subseksyen 1, Seksyen 9 dipinda untuk memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa dan tugas-tugas jawatan Ketua Hakim Negara, semasa ketidakupayaan atau ketiadaannya, hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau, jika dia tidak ada di Malaysia atau tidak berupaya untuk bertindak, oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo atau; jika kedua-dua Hakim Besar tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, oleh Hakim Mahkamah Agung yang dinamakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Subseksyen 2, Seksyen 9 pula dipinda untuk memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa dan tugas-tugas jawatan seorang Hakim Besar semasa ketidakupayaan atau ketiadaannya hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi yang berkenaan.

Adalah diharapkan bahawa dengan pindaan kepada Seksyen 9 Akta Mahkamah Kehakiman akan menjadi jelas sama sekali tentang siapa yang akan menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas jawatan Ketua Hakim Negara atau seorang Hakim Besar semasa ketakupayaan atau ketiadaannya. Pindaan ini akan membolehkan pentadbiran mahkamah berjalan dengan teratur, licin dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dicadangkan dibuat kepada perenggan (c) dan (e) subseksyen (17) Akta Mahkamah Kehakiman, Subseksyen (2) adalah mengenai keanggotaan Jawatankuasa Kaedah. Jawatankuasa Kaedah ditubuhkan untuk menyediakan kaedah-kaedah mahkamah bagi maksud-maksud yang disenaraikan di bawah seksyen 16 Akta Mahkamah Kehakiman yang antara lainnya bertujuan untuk mengawalselia dan menetapkan prosedur dan amalan yang akan diikuti di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung dalam segala apa jua kuasa dan perkara yang dalam atau berkenaan dengannya, mahkamah-mahkamah tersebut pada masa itu mempunyai bidang kuasa.

Perenggan (c) subseksyen (2) seksyen 17 memperuntukkan bahawa hakim-hakim hendaklah menganggotai Jawatankuasa Kaedah tetapi dengan syarat hanya hakim atau hakim-hakim yang diundang oleh Ketua Hakim Negara untuk menghadiri sesuatu mesyuarat boleh menghadiri mesyuarat tersebut. Pindaan yang dicadangkan akan menetapkan bahawa dua orang hakim yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara akan menganggotai Jawatankuasa Kaedah bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan olehnya secara bertulis. Adalah difikirkan bahawa ianya lebih wajar dan praktikal sekiranya keanggotaan hakim-hakim di dalam Jawatankuasa Kaedah ditetapkan dengan jelas oleh Ketua Hakim Negara.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (e) subseksyen (2) Seksyen 17 memperuntukkan bahawa dua orang peguambela yang menjalankan amalan di Negeri-negeri Tanah Melayu yang dinamakan oleh Majlis Peguam dan dilantik oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya akan menganggotai Jawatankuasa Kaedah bagi tempoh yang ditentukan oleh Hakim Besar secara bertulis.

Perenggan (f) subseksyen 2, Seksyen 17 memperuntukkan bahawa seorang peguambela yang menjalankan amalan di negeri Sabah dan Sarawak yang dilantik oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo akan menganggotai Jawatankuasa Kaedah bagi tempoh yang ditentukan oleh Hakim Besar berkenaan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa perlantikan penguambela-peguambela yang menjalankan amalan di Negeri-negeri Tanah Melayu oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya kepada Jawatankuasa Kaedah perlu dicalonkan oleh Majlis Peguam, sementara peguambela yang menjalankan amalan di negeri Sabah dan Sarawak boleh dilantik terus oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo.

Pindaan yang dicadangkan kepada perenggan (e) subseksyen 2, Seksyen 17 akan menyelaraskan perlantikan peguambela-peguambela dari Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah dan Sarawak dengan manolong kehendak pencalonan peguambela-peguambela berkenaan oleh Majlis Peguam di Negeri-negeri Tanah Melayu;

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan dan bertujuan semata-mata untuk memperkemas peruntukan-peruntukan berkenaan dan mengelakkan timbulnya sebarang kes amaran atau ketaksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli yang ingin berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Azumu.

7. 15 mlm.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan saya ingin mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan yang kita buat ini maka dapatlah kita menentukan kepada hakim-hakim kita siapa yang bertanggungjawab untuk satu-satu jawatan apabila seseorang itu tidak ada. Sebenarnya kita orang-orang kampung selalu memikirkan bahawa pemegang-pemegang jawatan Majistret, Hakim dan sebagainya adalah orang Yang Terutama di dalam negara kita yang kita fikir orang yang terpelajar sekali, 'top of the top', dengan izin, daripada segi jawatan pentadbir negara. Maka kita hairan kenapa dan mengapa ada salah faham apabila seorang itu yang memegang jawatan itu tidak ada, siapa yang patut memegang jawatan, sepatutnya orang-orang yang bijak seumpama ini tahu tanggungjawab mereka di mana mereka patut berada supaya kita lebih hormat kepada mereka. Apa yang telah terjadi tahun yang lalu amat mendukacitakan semua rakyat, terkejut semuanya, kerana ia adalah perkara yang tidak disangka-sangka. Jika kakitangan Kerajaan yang lain itu yang ada membuat salah dan sebagainya kita tidak berapa hairan kerana kedudukan sebegitu rupa, tetapi mereka ini sungguhlah mameranatkan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kecil yang ingin saya bertanya tentang masalah kedudukan mahkamah kita di negara ini adalah kenapakah Mahkamah Tinggi ini masih dipanggil Mahkamah Tinggi Malaya, perkataan 'Malaya' itu. Tidakkah ini boleh dipinda dengan mengatakan Mahkamah Malaysia atau Mahkamah Tanah Melayu dan sebagainya. Kalau saya pemerintah, saya hendak katakan Mahkamah Tanah Melayu, tetapi tak apalah kalau hendak kata Mahkamah Malaysia pun saya bersetuju, tetapi saya hendak bertanya kenapa ini tidak ditukarkan sudah begitu lama. Sebenarnya kalau anak saya di Tingkatan Tiga hari ini tak tahu makna Malaya itu, tak erti apa dia, mana tempat dan sebagainya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, perkara kecil apabila seorang Ketua Hakim Besar menjalankan tugas Ketua Hakim Negara, apabila beliau tidak menjalankan jawatan itu adakah Hakim ini mendapat acting allowance. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak berucap? Jika tidak, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.18 mlm.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azumu Tak kerana membangkitkan dua persoalan. Yang pertama berhubung dengan nama Mahkamah Tinggi Malaya, kenapa ia belum diubah, ditukar. Barangkali ini mengikut tradisi undang-undang di negara ini dan kalau sesuatu perubahan dilakukan maka ia perlu menyentuh pindaan ke atas Perlembagaan. Saya tidak pasti sama ada jawapan ini tepat, kerana saya bukan pakar undang-undang.

Yang kedua tentang acting allowance itu, kalau mangikut amalan biasa, kalau cuma acting dalam temoh yang singkat barangkali tidak ada acting allowance. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Azuma bin Tak: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama tadi, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan kita dengan tujuan menukar parkataan 'Malaya' itu tadi .

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kerana ini adalah dalam Perlembagan Malaysia. Kalau hendak tukar, maka perlu diadakan pindaan ke atas Perlembagaan Malaysia ataupun Perlembagaan Persekutuan. Cadangan ini akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhorrnat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa .

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Saya ingin bertanya berkaitan dengan 'Malaya' tadi, tetapi tidak sempat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita sudah lepas itu Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat.

Puan Hajjah Salbiah bin Mohd. Akim: Boleh digunakan dalam seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, sudah terlepas. Sila Yang Berhormat: mencadangkan keoudian.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak adet pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG PENGGAIAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.24 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rnohon mencadangkan supaya Suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mencadangkan pindaan kepada Akta Galakan Pelaburan 1986 ini adalah untuk melaksanakan beberapa keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan insentif-insentif cukai yang disediakan untuk para pelabur. Di samping itu, beberapa pindaan yang dibuat bersama adalah untuk memperbaiki peruntukan yang sedia wujud di dalam Akta ini yang didapati tidak begitu jelas dari segi intepritasi dan bagi pelaksanaan. Lain-lain pindaan merupakan pindaan consequential sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama Rang Undang-undang yang dibentangkan **ini**. Sebagai langkah untuk membaiki lagi iklim pelaburan dan untuk menggalakkan pelabur-pelabur sedia ada supaya terus malabur di negara ini, Kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan syarikat baru

yang diperbadankan oleh syarikat-syarikat bekas perintis atau perintis yang sedia ada yang mengeluarkan keluaran aktiviti yang digalakkan yang sama untuk dipertimbangkan bagi mendapat galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, bagi pusingan kedua. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini adalah tertakluk kepada beberapa kriteria seperti berikut;

- (i) projek itu hendaklah dilaksanakan di bangunan yang baru sana ada di lokasi yang sama atau yang baru-dengan loji kelengkapan dan kemudahan yang berasingan daripada projek yang sedia ada;
- (ii) cadangan pelaburan dalam aset tetap hendaklah sekurang-kurangnya sama atau melebihi cumulative cost pelaburan mana-mana syarikat yang sedia ada atau syarikat yang terbesar di dalam kumpulan syarikat berkenaan;
- (iii) cadangan kapasiti hendaklah sekurang-kurangnya sama atau lebih besar daripada kapasiti mana-mana syarikat yang sedia wujud atau daripada syarikat yang terbesar di dalam kumpulan syarikat berkenaan;
- (iv) keseluruhan kakitangan, kecuali kakitangan utama atau key personnel, terutamanya Ketua Eksekutif, Pengarah Kewangan, Pengarah R&D hendaklah berasingan daripada kakitangan-kakitangan syarikat yang sedia wujud;
- (v) loji mesin dan kelengkapan tidak boleh dipindahkan daripada mana-mana syarikat yang sedia ada atau daripada syarikat-syarikat yang ada hubungan; dan

- (v i) syarikat-syarikat yang sedia ada hendaklah terus memberi sumbangan-sumbangan kepada ekonomi negara ini dari segi pertambahan kapasiti pengeluaran nilai output, gaji yang dibayar kepada pekerja tempatan dan bilangan pekerjaan yang diwujudkan.

Untuk melaksanakan keputusan ini, maka Seksyen 5(i) dan seksyen 26(i) Akta Galakan Pelaburan 1986 perlulah dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan daripada Menteri Kewangan memberi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan kepada syarikat-syarikat yang dapat menatuhi kriteria-kriteria yang disebut tadi.

Kriteria-kriteria ini akan diumumkan menerusi suatu perintah statutory yang akan diwartakan. Peruntukan ini adalah dicadangkan berkuatkuasa mulai daripada 1 hb Januari, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang—undang yang dicadangkan adalah juga bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat yang menyertai program penyusunan industri atau industrial adjustment programme yang diluluskan dipertimbangkan bagi mendapat elaun penyusunan industri atau industrial adjustment allowance.

Kerajaan, pada penghujung tahun 1987 telah mengumumkan bahawa industri-industri yang telah jejas oleh perubahan-perubahan struktur ekonomi dan pasaran akan dibantu melalui program panyusunan supaya viability industri-industri ini dapat dipulihkan kembali ke tahap yang lebih cekap dan menguntungkan sebanyak walaupun sub-sector industry telah dikenalpasti bagi program ini, Sub-sector tersebut ialah:

- (i) kilang-kilang penapisan dan pencerakinan minyak kelapa sawit atau palm oil refinery and refractionation;
- (ii) kilang papan-papan lapis dan veneer atau sawnill plywood and veneer;
- (iii) menggelekkkan batang besi keluli atau rod and bar rolling;
- (iv) pemasangan kereta atau car assembly;
- (v) pembinaan perkapalan atau ship building;
- (vi) taxtile .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat , panjang lagikah?

Dato' Kok Wee Kiat: Ya , panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, masa pun sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada esok hari .

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat , sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang, Hari Jumaat , 29hb Disember, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.